

Panduan Pengguna untuk Nokia 6500 Classic

PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

NOKIA CORPORATION dengan ini mengisytiharkan bahawa produk RM-265 ini mematuhi dengan keperluan yang penting dan peruntukan Arahan 1999/5/EC yang berkaitan. Satu salinan Pengisytiharan Pematuhan ini boleh didapati di http://www.nokia.com/phones/declaration_of_conformity/.

CE 0434

Hak cipta © 2008 Nokia. Semua hak terpelihara.

Nokia, Nokia Connecting People, Navi dan Visual Radio adalah cap dagangan atau cap dagangan berdaftar Nokia Corporation. Nokia tune adalah cap bunyi Nokia Corporation. Lain-lain nama produk dan nama syarikat yang disebut di sini berkemungkinan adalah cap dagang atau nama dagang pemilik masing-masing.

Pengeluaran semula, pemindahan, pengedaran atau penyimpanan sebahagian atau semua kandungan dokumen ini dalam apa-apa juga bentuk tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Nokia adalah dilarang.

No Paten AS 5818437 dan paten-paten lain yang sedang menunggu kelulusan. Perisian input teks T9 Hak cipta © 1997-2008. Tegic Communications, Inc. Semua hak terpelihara.



Termasuk perisian kriptografi RSA BSAFE atau protokol keselamatan daripada RSA Security.

Java adalah cap dagangan Sun Microsystems, Inc.



Produk ini dilesenkan di bawah Lesen Portfolio Paten Visual MPEG-4 (i) untuk kegunaan peribadi dan bukan komersil yang berkaitan dengan maklumat yang telah dikodkan dengan mematuhi Piawai Visual MPEG-4 oleh pengguna yang terlibat dalam kegiatan peribadi dan bukan komersil dan (ii) untuk kegunaan yang berkaitan dengan video MPEG-4 yang disediakan oleh pembekal video berlesen. Tiada lesen akan diberikan atau tersirat untuk sebarang kegunaan lain. Maklumat tambahan termasuk yang berkaitan dengan kegunaan promosi, dalaman dan komersial boleh diperolehi daripada MPEG LA, LLC. Lihat <http://www.mpegla.com>.

Nokia mengamalkan dasar pengembangan yang berterusan. Nokia berhak membuat perubahan dan perbaikan kepada sebarang produk yang diperihalkan di dalam dokumen ini tanpa pemberitahuan terdahulu.

HINGGA SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA, DALAM APA JUA KEADAAN NOKIA ATAU MANA-MANA PEMBERI LESENNYA AKAN BERTANGGUNGJAWAB ATAS KEHILANGAN DATA ATAU PENDAPATAN ATAU APA-APA KEROSAKAN KHAS, SAMPINGAN, TURUTAN ATAU TIDAK LANGSUNG YANG BERLAKU.

ISI KANDUNGAN DOKUMEN INI DIBEKALKAN "SEBAGAIMANA ADANYA". KECUALI DITUNTUT OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA, TIADA APA-APA JENIS JAMINAN, SAMA ADA YANG NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, JAMINAN TERSIRAT BAGI KEPERDAGANGAN DAN KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU, DIBUAT BERKAITAN DENGAN KETEPATAN, KEBOLEHPERCAYAAN ATAU KANDUNGAN DOKUMEN INI. NOKIA BERHAH UNTUK MENYEMAK DOKUMEN INI ATAU MENARIKNYA BALIK PADA BILA-BILA MASA TANPA NOTIS YANG TERDAHULU.

Ketersediaan produk dan aplikasi serta perkhidmatan tertentu untuk produk ini mungkin berbeza-beza mengikut wilayah. Sila semak dengan penjual Nokia anda untuk mendapatkan butiran, dan ketersediaan pilihan bahasa.

Kawalan eksport

Peranti ini mungkin mengandungi barangan, teknologi atau perisian yang tertakluk pada undang-undang dan peraturan eksport dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Lencongan yang bertentangan dengan undang-undang adalah dilarang.

Aplikasi pihak ketiga yang disediakan bersama peranti anda mungkin telah diwujudkan dan boleh dimiliki oleh orang atau entiti yang tidak bergabung atau berkaitan dengan Nokia. Nokia tidak memiliki hak cipta atau hak harta intelektual bagi aplikasi pihak ketiga ini. Oleh yang demikian, Nokia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang sokongan pengguna akhir, kefungsian aplikasi ini, mahupun maklumat dalam aplikasi atau bahan-bahan ini. Nokia tidak menyediakan sebarang jaminan bagi aplikasi pihak ketiga ini.

DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI INI ANDA MENAKUI BAHAWA APLIKASI YANG DISEDIAKAN SEBAGAIMANA ADA TANPA SEBARANG JENIS JAMINAN, YANG DINYATAKAN ATAU TERSIRAT, SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA. ANDA SETERUSNYA MENAKUI BAHAWA BAIK NOKIA MAHUPUN ANGGOTA GABUNGANNYA TIDAK MEMBUAT SEBARANG PERWAKILAN ATAU JAMINAN, YANG NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA JAMINAN HAK MILIK, KEPERDAGANGAN

ATAU KESESUAIAN BAGI SESUATU TUJUAN KHUSUS ATAU BAHAWA APLIKASI
TIDAK AKAN MELANGGAR SEBARANG PATEN, HAK CIPTA, CAP DAGANG ATAU
HAK-HAK PIHAK KETIGA YANG LAIN.

Kandungan

KESELAMATAN.....	8	Panggilan	20
Maklumat am	9	Membuat panggilan	20
Petua bantuan.....	9	Menjawab atau menolak panggilan	20
Mengenai peranti anda	11	Dail cepat	20
Perkhidmatan rangkaian	11	Dailan suara tambahan	21
Tambahan	12	Pilihan-pilihan semasa panggilan	21
Kod akses	12	Panggilan menanti.....	21
Kemas kini perisian	13	Menulis teks	22
Muat turun kandungan	14	Input teks tradisional	22
Memulakan	15	Input teks ramalan.....	22
Memasukkan kad SIM dan bateri	15	Mesej.....	23
Mengecas bateri	15	Menulis dan menghantar mesej	23
Data kabel CA-101.....	15	Menulis dan menghantar mesej multimedia	23
Menghidupkan dan mematikan telefon.....	16	Membaca dan membalas mesej.....	23
Menetapkan masa, zon masa, dan tarikh.....	16	Pemesejan audio Nokia Xpress.....	24
Perkhidmatan tetapan tatarajah.....	17	Mesej kilat.....	24
Antena	17	Aplikasi e-mel	24
Kekunci dan bahagian-bahagian	17	E-mel tetapan wizard	24
Memori telefon	18	Menulis dan menghantar e-mel	25
Mod siap sedia	18	Memuat turun e-mel	25
Penunjuk	18	Membaca dan membalas e-mel	25
Mod penerbangan	19	Mesej segera.....	25
		Mesej suara.....	26

Tetapan mesej	26	Mod sedia aktif.....	34
Tetapan umum	26	Menyegerak dan membuat sandaran.....	34
Mesej teks.....	26	Kesambungan.....	34
Mesej multimedia.....	27	Kesambungan dengan Bluetooth	34
Mesej e-mel.....	28	Menyediakan sambungan Bluetooth.....	35
Kenalan	29	Sambung peranti Bluetooth.....	35
Menyimpan nama dan nombor telefon	29	Melihat senarai sambungan Bluetooth anda.....	35
Menambah butiran kenalan	29	Menghantar data ke peranti Bluetooth.....	35
Mencari kenalan	29	Menyembunyikan peranti Bluetooth anda	
Menyalin atau memindahkan kenalan	29	daripada orang lain	35
Mengedit kenalan	30	Tetapan modem.....	35
Kumpulan.....	30	Menyegerakkan dari PC yang serasi.....	36
Kad niaga.....	30	Menyegerakkan dari pelayan.....	36
Tetapan kenalan.....	30	data kabel USB	36
Log.....	31	Panggilan.....	37
Tetapan	32	Telefon.....	37
Profil.....	32	Tatarajah.....	38
Tema	32	Menyimpan semula tetapan kilang	38
Nada	32	Menu operator	39
Paparan	32	Mesej maklumat.....	39
Tetapan mod siap sedia	32	Arahan khidmat.....	39
Tarikh dan masa.....	33	Galeri.....	40
Pintasan saya.....	33	Pengurusan hak digital.....	40
Kekunci pilihan kiri	33	Mencetak imej	41
Kekunci pilihan kanan.....	34	Media	42
Kekunci navigasi.....	34	Kamera	42

Kandungan

Mengambil imej.....	42	Penanda buku.....	50
Video	42	Peti masuk khidmat.....	50
Merakam klip video	42	Tetapan kemunculan.....	51
Pemain muzik	43	Tetapan keselamatan	51
Memainkan muzik.....	43	Sijil	51
Perakam Suara	43	Kuki dan cache.....	51
Penyama.....	44	Skríp melalui sambungan terjamin	52
Peluasan stereo	44	Keselamatan penyemak imbas	52
Pengatur.....	45	Tandatangan digital	52
Jam penggera	45	Perkhidmatan SIM.....	54
Menghentikan penggera	45	Kesambungan PC.....	55
Kalendar.....	45	Nokia PC Suite	55
Membuat nota kalendar.....	46	Aplikasi komunikasi data	55
Penggera nota	46	Maklumat bateri dan pengecas.....	56
Senarai tugasan	46	Garis panduan pengesahan ketulenan bateri	
Nota.....	46	Nokia.....	57
Kalkulator	46	Tambahan tulen Nokia.....	59
Pemasa undur.....	46	Bateri	59
Jam randik	47	Alat Dengar.....	59
Aplikasi	48	Alat Dengar Wayarles	59
Melancarkan permainan.....	48	Penyelesaian Kereta	60
Melancarkan aplikasi.....	48	Penyelesaian Plug-in.....	60
Pilihan aplikasi	48	Muzik.....	60
Web	49	Pembesar Suara Bluetooth Nokia MD-5W	60
Menyambung kepada perkhidmatan	49		
Menyemak imbas laman.....	50		

Penjagaan dan penyelenggaraan	61
Maklumat keselamatan tambahan.....	62
Kanak-kanak kecil	62
Persekitaran beroperasi	62
Alat perubatan	62
Alat perubatan yang diimplan.....	62
Alat bantuan pendengaran.....	63
Kenderaan.....	63
Persekitaran di mana letupan boleh berlaku.....	63
Panggilan kecemasan.....	64
Untuk membuat panggilan kecemasan:	64
Maklumat pensijilan (SAR)	65
Indeks.....	66

KESELAMATAN

Baca garis panduan mudah ini. Tidak mematuhi boleh jadi berbahaya atau salah di sisi undang-undang. Baca panduan pengguna yang lengkap untuk maklumat lanjut.



HIDUPKAN DENGAN SELAMAT Jangan hidupkan peranti apabila penggunaan telefon wayarles dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.



UTAMAKAN KESELAMATAN DI JALAN RAYA Patuhi semua undang-undang tempatan. Sentiasa pastikan tangan anda bebas untuk mengendalikan kenderaan semasa memandu. Perkara pertama yang harus anda pertimbangkan semasa memandu haruslah keselamatan jalan raya.



GANGGUAN Semua peranti wayarles boleh mendapat gangguan, yang mungkin boleh menjejaskan prestasinya.



MATIKAN TELEFON DI KAWASAN LARANGAN Patuhi sebarang sekatan. Matikan peranti di dalam kapal terbang, berdekatan peralatan perubatan, bahan bakar, bahan kimia atau kawasan letupan.



PERKHIDMATAN YANG DIBENARKAN

Hanya kakitangan berkelayakan boleh memasang atau membaiki produk ini.



TAMBAHAN DAN BATERI Gunakan hanya tambahan dan bateri yang diluluskan. Jangan sambungkan produk yang tidak serasi.



KETAHANAN AIR Peranti anda tidak tahan air. Pastikan ia sentiasa kering.

Maklumat am

Petua bantuan

Sebelum membawa telefon anda ke pusat servis

S: Apa yang boleh saya lakukan untuk menyelesaikan isu operasi telefon saya?

J: Cuba daripada yang berikut:

- Matikan telefon, tanggalkan dan ganti baterinya.
- Simpan semula tetapan kilang. Pilih **Menu** > **Tetapan** > **S/mula ttp kilang**. Dokumen dan fail anda tidak di padam.
- Kemas kini telefon dengan Nokia Software Updater, jika tersedia. Lawat www.nokia-asia.com/softwareupdate atau tapak web Nokia tempatan anda.

Kod akses

S: Apakah kata laluan untuk kod kunci, PIN, atau PUK saya?

J: Kod kunci lalai adalah 12345. Jika anda lupa atau hilangkan kod kunci, hubungi pengedar telefon anda. Jika anda lupa atau hilangkan kod PIN atau PUK, atau anda tidak menerima kod sedemikian, hubungi pembekal perkhidmatan anda.

Sambungan Bluetooth

S: Mengapa saya tidak jumpa peranti Bluetooth?

J: Cuba daripada yang berikut:

- Semak agar kedua-dua peranti telah mengaktifkan sambungan Bluetooth.
- Semak agar jarak antara dua peranti tidak lebih daripada 10 meter (33 kaki) dan tidak terdapat dinding atau halangan yang lain antara peranti tersebut.
- Semak agar peranti lain tidak di dalam mod tersembunyi.
- Semak agar kedua-dua peranti serasi.

Panggilan

S: Bagaimana boleh saya mengubah kelantangan?

J: Untuk menambah atau mengurangkan kelantangan semasa panggilan, tekan kekunci tatal ke atas dan ke bawah.

S: Bagaimana saya boleh mengubah nada dering?

J: Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Nada**.

Kenalan

S: Bagaimana saya boleh menambah kenalan?

J: Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Nama** > **Pilihan** > **Tamb kenalan baru**.

S: Bagaimana saya boleh menambah butiran tambahan pada kenalan?

J: Cari kenalan yang ingin ditambahkan butiran, dan pilih **Butiran > Pilihan > Tambah butiran**. Pilih daripada pilihan yang tersedia.

Menu

S: Bagaimana saya boleh mengubah tampilan menu?

J: Untuk menukar paparan menu, pilih **Menu > Pilihan > Pamer. menu utama > Senarai, Grid, Grid dengan label**, atau **Tab**.

S: Bagaimana saya boleh peribadikan menu?

J: Untuk menyusun semula menu, pilih **Menu > Pilihan > Susun**. Tatal ke menu yang anda hendak pindahkan, dan pilih **Alih**. Tatal ke tempat yang anda hendak pindahkan menu tersebut, dan pilih **OK**. Untuk menyimpan perubahan ini, pilih **Selesai > Ya**.

Mesej

S: Mengapa saya tidak boleh menghantar mesej multimedia (MMS)?

J: Untuk mengetahui ketersediaan dan untuk melanggan perkhidmatan mesej multimedia (MMS, perkhidmatan rangkaian), hubungi pembekal perkhidmatan anda.

S: Bagaimana saya boleh menyediakan e-mel?

J: Untuk menggunakan fungsi e-mel di telefon anda, anda memerlukan sistem e-mel yang serasi. Periksa tetapan e-mel anda dengan pembekal perkhidmatan e-mel anda.

Anda boleh menerima tetapan-tetapan tatarajah e-mel sebagai mesej tatarajah.

Untuk mengaktifkan tetapan e-mel, pilih **Menu > Mesej > Tetapan mesej > Mesej e-mel**.

Kesambungan PC

S: Mengapa saya mempunyai masalah untuk menyambung telefon ke PC saya?

J: Pastikan agar Nokia PC Suite di pasangkan dan berjalan di PC anda. Rujuk panduan pengguna untuk Nokia PC Suite. Untuk maklumat lanjut berkenaan penggunaan Nokia PC Suite, lihat fungsi bantuan dalam Nokia PC Suite atau lawat laman sokongan di www.nokia-asia.com.

Pintasan

S: Adakah terdapat apa-apa pintasan lain yang boleh saya gunakan?

J: Terdapat beberapa pintasan dalam telefon anda:

- Untuk mengakses senarai nombor yang sudah didail, tekan kekunci panggil sekali. Tatal ke nombor atau nama yang anda mahu; dan untuk memanggil nombor tersebut, tekan kekunci panggil.
- Untuk membuka penyemak imbas web, tekan dan tahan 0.
- Untuk memanggil peti mel suara anda, tekan dan tahan 1.
- Gunakan kekunci tatal sebagai pintasan. Lihat "[Pintasan saya](#)" h. 33.

- Untuk menukar dari mana-mana profil ke profil senyap dan balik semula ke profil umum, tekan dan tahan #.

Mengenai peranti anda

Peranti wayarles yang diperihalkan di dalam panduan ini diluluskan untuk digunakan pada rangkaian WCDMA 850 dan 2100, dan rangkaian GSM 850, 900, 1800 dan 1900. Hubungi pembekal perkhidmatan anda untuk maklumat lanjut mengenai rangkaian.

Apabila menggunakan ciri-ciri di dalam peranti ini, patuhi semua undang-undang dan hormati adat tempatan, privasi dan hak-hak sah orang lain termasuk hak cipta.

Perlindungan hak cipta boleh mencegah sesetengah imej, muzik dan kandungan lain daripada disalin, diubah suai, dipindahkan atau dikemukakan.

Ingatlah untuk membuat salinan sandaran atau menyimpan rekod bertulis mengenai semua maklumat penting yang disimpan dalam peranti anda.

Apabila menyambung kepada sebarang peranti lain, baca panduan penggunaannya untuk arahan-arahan keselamatan terperinci. Jangan sambungkan produk-produk yang tidak serasi.



Amaran: Untuk menggunakan sebarang ciri di dalam peranti ini, selain daripada jam penggera, peranti ini mestilah dihidupkan. Jangan hidupkan

peranti ini apabila penggunaan wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

Perkhidmatan rangkaian

Untuk menggunakan telefon ini anda mestilah mempunyai perkhidmatan daripada pembekal khidmat wayarles. Kebanyakan cirinya memerlukan ciri rangkaian yang khas. Ciri ini tidak didapati pada semua rangkaian; rangkaian lain mungkin menghendaki anda membuat pengurusan khusus dengan pembekal khidmat anda sebelum anda boleh menggunakan perkhidmatan rangkaianannya. Pembekal khidmat anda boleh memberi anda arahan dan menjelaskan caj mana yang dikenakan. Sesetengah rangkaian mungkin mempunyai had-had yang menjejaskan cara anda menggunakan perkhidmatan rangkaian. Contohnya, sesetengah rangkaian mungkin tidak menyokong semua aksara dan perkhidmatan yang bergantung kepada bahasa.

Pembekal khidmat anda mungkin telah meminta agar ciri-ciri tertentu dilumpuhkan atau tidak diaktifkan dalam telefon anda. Jika demikian, ciri ini tidak akan muncul pada menu telefon anda. Telefon anda boleh juga mempunyai tatarajah khas seperti perubahan dalam nama menu, susunan menu, dan ikon. Hubungi pembekal khidmat anda untuk maklumat lanjut.

Peranti ini menyokong protokol WAP 2.0 (HTTP dan SSL) yang berjalan pada protokol TCP/IP. Sesetengah ciri peranti ini, seperti mesej multimedia (MMS), menyemak imbas, aplikasi e-mel, mesej segera, kenalan ditambah tersedia, penyegerakan jauh, dan muat turun kandungan menggunakan penyemak imbas atau MMS, memerlukan sokongan rangkaian untuk teknologi ini.

Tambahan

Beberapa peraturan praktis mengenai aksesori dan tambahan:

- Jauhkan semua aksesori dan tambahan daripada jangkauan kanak-kanak kecil.
- Apabila anda mencabut kord kuasa sebarang aksesori atau tambahan, genggam dan tarik palamnya, bukan kordnya.
- Periksa secara tetap bagi memastikan bahawa sebarang tambahan yang dipasang pada kenderaan telah dipasang dan beroperasi dengan betul.
- Pemasangan sebarang tambahan kereta yang kompleks mesti dibuat oleh kakitangan berkelayakan sahaja.



Amaran: Gunakan hanya bateri, pengecas, dan tambahan yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan khususnya dengan model telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh

mentaksahkan apa-apa kelulusan atau jaminan, dan mungkin berbahaya.

Untuk mengetahui sama ada anda boleh mendapatkan tambahan yang diluluskan, sila hubungi wakil penjual telefon anda. Apabila anda mencabut kord kuasa bagi sebarang tambahan, genggam dan tarik palamnya, bukan kordnya.

Kod akses

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Keselamatan** untuk menetapkan bagaimana telefon anda menggunakan kod akses dan tetapan keselamatan.

- Kunci pad kekunci (kawal kekunci) hanya mengunci pad kekunci.

Anda boleh mengunci pad kekunci untuk mencegah tekanan kekunci yang tidak disengajakan.

- 1 Untuk membuka kunci pad kekunci, pilih **Menu** dan tekan * dalam masa 1.5 saat.
- 2 Untuk membuka kunci pad kekunci, pilih **Buka k'ci** dan tekan * dalam masa 1.5 saat.

Untuk menjawab panggilan semasa kawal kekunci sedang aktif, tekan kekunci panggil. Apabila anda menamatkan atau menolak panggilan, pad kekunci mengunci secara automatik.

Anda juga boleh memilih **Menu** > **Tetapan** > **Telefon** > **Kawal kekunci auto.** atau **Kawal k'ncni k'slmtan** >

Aktif atau **Tak aktif**. Jika **Kawal k'ncni k'slmtan** ditetapkan pada **Aktif**, masukkan kod keselamatan jika diminta. Kod yang dipratetap adalah **12345**.

- Kod keselamatan, yang dibekalkan dengan telefon, membantu melindungi telefon anda daripada digunakan tanpa izin. Kod yang dipratetap adalah **12345**.
- Kod PIN, yang dibekalkan dengan kad SIM, bantu melindungi kad anda daripada digunakan tanpa izin.
- Kod PIN2, yang dibekalkan dengan beberapa kad SIM, dikehendaki untuk mengakses perkhidmatan tertentu.
- Kod PUK dan PUK2 mungkin dibekalkan dengan kad SIM. Jika anda memasukkan kod PIN atau PIN2 dengan salah sebanyak tiga kali berturut-turut, anda akan ditanya untuk kod PUK atau PUK2. Jika anda tidak mempunyainya, hubungi pembekal perkhidmatan tempatan anda.
- Kata laluan sekatan (4 digit) diperlukan apabila menggunakan **Khidmat sekat pgn**. untuk menyekat panggilan dari telefon anda (perkhidmatan rangkaian).
- Untuk melihat atau menukar tetapan modul keselamatan, pilih **Menu > Tetapan > Keselamatan > Ttpn modul k'selamtn**.

Kemas kini perisian



Penting: Gunakan hanya perkhidmatan yang anda percayai dan yang menawarkan keselamatan dan perlindungan yang mencukupi daripada perisian yang merosakkan.

Nokia boleh mengeluarkan kemas kini perisian yang mungkin menawarkan ciri baru, fungsi yang ditambah, atau prestasi yang dipertingkatkan. Anda mungkin boleh meminta kemas kini ini melalui aplikasi PC Nokia Software Updater. Untuk mengemas kini perisian peranti, anda perlukan aplikasi Nokia Software Updater dan PC yang serasi dengan sistem pengendalian Microsoft Windows 2000 atau XP, akses internet jalur lebar, dan kabel data yang serasi untuk menyambungkan peranti anda pada PC. Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan untuk memuat turun aplikasi Nokia Software Updater, lawati www.nokia-asia.com/softwareupdate atau laman web Nokia tempatan anda.

Memuat turun kemas kini perisian mungkin melibatkan penghantaran jumlah besar data melalui rangkaian pembekal perkhidmatan anda. Hubungi pembekal perkhidmatan anda untuk mendapatkan maklumat mengenai bayaran penghantaran data.

Pastikan bateri peranti mempunyai kuasa yang mencukupi, atau sambungkan pengecas sebelum memulakan kemas kini.

Semasa dikendalikan selama tempoh yang panjang, peranti mungkin terasa hangat. Dalam kebanyakan kes, ini adalah keadaan biasa. Jika anda mengesyaki peranti tidak berfungsi dengan betul, bawanya ke kemudahan servis sah yang terdekat.

Muat turun kandungan

Anda boleh memuat turun kandungan baru (contohnya, tema) ke telefon anda (perkhidmatan rangkaian).

Untuk ketersediaan perkhidmatan yang berbeza, harga dan tarif, hubungi pembekal perkhidmatan anda.




Penting: Gunakan hanya perkhidmatan yang anda percayai dan yang menawarkan keselamatan dan perlindungan yang mencukupi daripada perisian yang merosakkan.

Memulakan

Memasukkan kad SIM dan bateri

Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.

Kad SIM dan sesetengahnya mudah rosak oleh kerana tercalar atau dibengkokkan, jadi berhati-hatilah apabila memegang, memasukkan, atau mengeluarkan kad itu. Kad SIM dimasukkan dengan bahagian sentuh berwarna keemasan pada kad menghadap ke bawah (3).



Mengecas bateri

Mengecas bateri BL-6P dengan pengecas AC-6 mengambil masa kira-kira 2 jam semasa telefon dalam mod siap sedia.

- 1 Sambungkan pengecas ke soket dinding.
- 2 Buka penutup pada bahagian atas telefon (1), dan sambungkan penyambung cas ke soket (2).



Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Data kabel CA-101

Data kabel CA-101 digunakan untuk pemindahan data dan melambatkan pengecasan bateri ketika disambungkan pada PC atau laptop.

Anda perlu memuat turun Nokia PC Suite 6.83 untuk digunakan pada telefon anda. Versi yang dikemas kini boleh ditambah selepas versi 6.83. Sila lawati www.nokia-

asia.com/6500classic/support untuk mendapatkan butiran lanjut.

- 1 Sambungkan penyambung dari CA-101 dengan soket mikro USB di bahagian atas telefon anda.
- 2 Sambungkan CA-101 ke PC atau laptop anda. **Pilih mod USB:** muncul pada skrin paparan telefon anda.
- 3 Pilih mod yang anda kehendaki.

AC-6 mengemas bateri anda dengan lebih cepat daripada CA-101. Mengemas dengan AC-6 disarankan apabila masa mengemas yang singkat diperlukan.


Menghidupkan dan mematikan telefon



Amaran: Jangan hidupkan telefon apabila penggunaan telefon wayarles dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

Tekan dan tahan kekunci kuasa seperti yang ditunjukkan. Jika telefon meminta kod PIN atau UPIN, masukkan kod (misalnya, dipaparkan sebagai ****), dan pilih **OK**.

Apabila anda menghidupkan telefon anda buat kali pertama, dan telefonnya berada dalam mod siap sedia, anda akan diminta untuk mendapatkan tetapan tatarajahnya dari pembekal perkhidmatan anda (perkhidmatan rangkaian). Sahkan atau tolak pertanyaannya. Lihat **Sambung ke bantuan**, h. 38, dan "**Perkhidmatan tetapan tatarajah**" h. 17.



Menetapkan masa, zon masa, dan tarikh

Apabila anda menghidupkan telefon anda buat kali pertama, dan telefonnya berada dalam mod siap sedia, anda akan diminta untuk menetapkan masa dan tarikh. Isikan medan, dan pilih **Simpan**.

Untuk mengakses **Tarikh dan masa** kemudian, pilih **Menu > Tetapan > Tarikh dan masa > Ttpan. tarikh & masa, Format tarkh. & masa**, atau **Kms. kini auto masa** (perkhidmatan rangkaian) untuk mengubah masa, zon masa, dan tetapan tarikh.


Perkhidmatan tetapan tatarajah

Untuk menggunakan sesetengah khidmat rangkaian, seperti khidmat internet bergerak, MMS, mesej audio Nokia Xpress, penyergerakan pelayan Internet jauh, telefon anda memerlukan tetapan tatarajah yang betul. Untuk maklumat lanjut mengenai ketersediaan, hubungi operator rangkaian, pembekal perkhidmatan, wakil penjual Nokia berdaftar yang terdekat dengan anda, atau bahagian sokongan pada tapak web Nokia, www.nokia-asia.com/6500classic/support.

Setelah anda menerima tetapan sebagai mesej tatarajah, dan tetapan itu tidak disimpan dan diaktifkan secara automatik, **Tetapan tatarajah diterima** dipaparkan. Pilih **Tunjuk > Simpan**. Jika dikehendaki, masukkan kod PIN yang dibekalkan pembekal perkhidmatan.

Antena

Peranti anda mungkin mempunyai antena dalam dan luar. Seperti mana-mana peranti pemancaran radio, elakkan daripada menyentuh kawasan antena jika tidak perlu semasa antena sedang




menghantar atau menerima. Sentuhan dengan antena yang sedemikian boleh menjejaskan kualiti komunikasi dan boleh menyebabkan peranti beroperasi pada tahap kuasa yang lebih tinggi daripada yang diperlukan dan boleh mengurangkan hayat bateri.

Kekunci dan bahagian-bahagian

- 1 Cuping telinga
- 2 Kekunci pilihan tengah
- 3 Kekunci Navi™ (dalam ini dirujuk sebagai kekunci tatal)
- 4 Kekunci pilihan kiri
- 5 Kekunci pilihan kanan
- 6 Kekunci panggil
- 7 Kekunci tamat/Kekunci kuasa

menamatkan panggilan (tekanan kekunci yang pendek) dan menghidupkan serta mematikan telefon (tekanan kekunci yang panjang)

- 8 Pad kekunci
- 9 Mikrofon



Memulakan

- 10 Penyambung USB
- 11 Pembesar suara
- 12 Kanta kamera
- 13 Denyar kamera



Memori telefon

Telefon anda mengandungi 1 GB (Gigabyte) memori dalaman.

Mod siap sedia

Apabila telefon sedia digunakan, dan anda tidak memasukkan sebarang aksara, telefon berada dalam mod siap sedia.


- 1 Penunjuk 3 G
- 2 Kekuatan isyarat rangkaian selular
- 3 Tahap cas bateri
- 4 Penunjuk. Lihat "[Penunjuk](#)" h. 18
- 5 Nama rangkaian atau logo operator
- 6 Jam
- 7 Paparan




- 8 Kekunci pilihan kiri (8) adalah **Pergi ke** atau pintasan ke fungsi lain. Lihat "[Kekunci pilihan kiri](#)" h. 33
- 9 Mod kekunci pilihan tengah (9) adalah **Menu**.
- 10 Kekunci pilihan kanan (10) boleh jadi **Nama** untuk mengakses senarai kenalan dalam menu **Kenalan** nama khusus operator -untuk mengakses laman Web operator -khusus, atau pintasan pada fungsi yang anda pilih. Lihat "[Kekunci pilihan kanan](#)" h. 34.


Penunjuk

- Anda mempunyai mesej yang belum dibaca.
- Telefon mendaftarkan satu panggilan yang tak dijawab. Lihat "[Log](#)" h. 31.
- Pad kekunci dikunci. Lihat "[Kod akses](#)" h. 12.
- Telefon tidak berdering untuk panggilan masuk atau mesej teks apabila **Isyarat pgl.n. masuk** ditetapkan pada **Tak aktif** dan **Nada isyarat mesej** ditetapkan pada **Tak aktif**. Lihat "[Nada](#)" h. 32.
- Jam penggera ditetapkan ke **Aktif**. Lihat "[Jam penggera](#)" h. 45.
- Apabila mod sambungan data paket **Sentiasa bertalian** dipilih dan perkhidmatan data paket tersedia, penunjuknya dipaparkan.
- Sambungan GPRS atau EGPRS diwujudkan.

 Sambungan GPRS atau EGPRS digantung (ditunda).

 Penunjuk sambungan Bluetooth. Lihat "Kesambungan dengan Bluetooth" h. 34.


Mod penerbangan

Anda boleh menyahaktifkan semua fungsi frekuensi radio dan masih mempunyai akses ke permainan luar talian, kalendar, dan nombor telefon. Gunakan mod penerbangan dalam persekitaran peka radio—di dalam kapal terbang atau di hospital. Apabila mod penerbangan aktif,  ditunjukkan.

Pilih **Menu > Tetapan > Profil > Penerbangan > Aktifkan** atau **Pilihan sendiri**.

Untuk menetapkan telefon ke pertanyaan setiap masa ia dihidupkan sama ada untuk menggunakan profil penerbangan atau tidak, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Pertanyaan p'nrbngn. > Aktif** atau **Tak aktif**.

Untuk menyahaktifkan mod penerbangan, pilih mana-mana profil lain.

 **Amaran:** Dengan profil penerbangan anda tidak boleh membuat atau menerima sebarang panggilan, atau menggunakan ciri lain yang memerlukan liputan rangkaian. Untuk membuat panggilan, anda mesti mengaktifkan fungsi

telefon dengan menukar profil. Jika peranti telah dikunci, masukkan kod kunci. Jika anda perlu membuat panggilan kecemasan sementara peranti itu dikunci dalam profil penerbangan, anda juga boleh memasukkan nombor kecemasan rasmi yang diprogram ke dalam peranti anda pada medan kod kunci dan pilih 'panggil'. Peranti akan mengesahkan bahawa anda akan keluar profil penerbangan untuk memulakan panggilan kecemasan.

Panggilan

Membuat panggilan

- Masukkan nombor telefon, termasuk kod kawasan, dan tekan kekunci panggil.
- Membuat panggilan dari senarai nombor yang terakhir didail dengan menekan kekunci panggil.
- Buat panggilan dari nama atau nombor pada **Kenalan**. Lihat "**Kenalan**" h. 29.

Untuk panggilan antarabangsa, tekan * dua kali untuk awalan antarabangsa (aksara + menggantikan kod akses antarabangsa), masukkan kod negara, kod kawasan tanpa awalan 0, jika perlu, dan nombor telefon.

Untuk menambah atau mengurangkan kelantangan semasa panggilan, tekan kekunci tatal ke atas dan ke bawah.

Menjawab atau menolak panggilan

Untuk menjawab panggilan, tekan kekunci panggil. Untuk menamatkan panggilan, tekan kekunci tamat.

Untuk menolak panggilan, tekan kekunci tamat.

Untuk membisukan nada deringan, pilih **Senyap**. Kemudian anda boleh menjawab atau menolak panggilan.

Dail cepat

Untuk memberikan nombor telefon ke salah satu daripada kekunci dail cepat, **2** hingga **9**.

- 1 Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Dail cepat**.
- 2 Tatal ke nombor dail cepat yang dikehendaki.
- 3 Pilih **Berikan**, atau jika satu nombor sudah pun ditetapkan kepada kekunci itu, pilih **Pilihan** > **Tukar**.
- 4 Pilih **Cari** dan kenalan yang hendak anda tetapkan.

Jika fungsi **Dail cepat** tidak aktif, telefon bertanya sama ada anda mahu mengaktifkannya.

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Panggilan** > **Dail cepat** > **Aktif** atau **Tak aktif**.

Untuk membuat panggilan, tekan dan tahan suatu kekunci dail cepat sehingga panggilan itu bermula.

Dailan suara tambahan

Anda boleh membuat panggilan telefon dengan menyebut nama yang disimpan dalam senarai kenalan telefon. Untuk menetapkan kenalan untuk main balik suara, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Pengecaman suara > Bahasa pengecaman**, dan ikut arahan pada paparan.

Sebelum menggunakan tag suara, ambil perhatian yang berikut:

- Tag suara tidak bergantung kepada bahasa. Ia bergantung pada suara penutur.
- Anda mesti menyebut namanya seperti mana anda menyebutnya semasa anda merakamnya.
- Tag suara adalah sensitif pada hingar latar belakang. Rakam tag suara dan menggunakannya dalam persekitaran yang senyap.
- Nama yang sangat pendek tidak akan diterima. Gunakan nama panjang, dan elakkan nama yang serupa untuk nombor yang berlainan.



Nota: Menggunakan tag suara mungkin sukar dalam persekitaran yang bising atau semasa kecemasan, oleh itu anda tidak seharusnya bergantung semata-mata pada dailan suara dalam semua keadaan.

Pilihan-pilihan semasa panggilan

Banyak daripada pilihan yang boleh anda gunakan semasa panggilan adalah perkhidmatan rangkaian. Untuk ketersediaan, hubungi pembekal perkhidmatan anda.



Pilihan yang mungkin ditawarkan oleh pembekal perkhidmatan termasuk panggilan konferens, dan menundakan panggilan.

Panggilan menanti

Pilih **Menu > Tetapan > Panggilan > Panggilan menanti > Aktifkan** untuk membenarkan rangkaian memberitahu anda tentang panggilan masuk ketika anda sedang dalam talian (perkhidmatan rangkaian).

Untuk menjawab panggilan menanti semasa panggilan aktif, tekan kekunci panggil. Panggilan yang pertama akan ditunda. Untuk menamatkan panggilan yang aktif, tekan kekunci tamat.

Menulis teks

Anda boleh memasukkan teks menggunakan input teks tradisional atau ramalan. Apabila anda menulis teks, tekan dan tahan **Pilihan** untuk beralih antara input teks tradisional, ditandakan dengan , dan input teks ramalan, ditandakan dengan . Tidak semua bahasa disokong oleh input teks ramalan.

Huruf-huruf besar ditandakan oleh **Abc**, **abc**, dan **ABC**. Untuk menukar huruf besar atau huruf kecil, tekan **#**. Untuk mengubah dari mod huruf ke mod nombor, tandakan dengan **123**, tekan dan tahan **#**, dan pilih **Mod nombor**. Untuk menukar daripada mod nombor kepada huruf, tekan dan tahan **#**.

Untuk menetapkan bahasa menulis, pilih **Pilihan** > **Bahasa tulisan**.

Input teks tradisional

Tekan satu kekunci nombor, **1** hingga **9**, berulang kali sehingga aksara yang diinginkan muncul. Aksara yang tersedia bergantung kepada bahasa menulis yang dipilih. Tekan kekunci **0** untuk membuat jarak. Tanda baca dan aksara khas yang paling sering digunakan terdapat di bawah kekunci **1**.

Input teks ramalan

Input teks ramalan berdasarkan kamus terbina dalam yang boleh ditambahkan dengan kata baru.

- 1 Mula menulis kata dengan menggunakan kekunci **2** hingga **9**. Telefon memaparkan * atau huruf jika ia secara berasingan mempunyai makna sebagai satu perkataan. Huruf-huruf yang dimasukkan dipaparkan dengan bergaris bawah.
- 2 Apabila anda selesai menulis perkataan dan ia betul, untuk mengesahkannya, tekan **0** untuk menambahkan ruang. Jika perkataan itu tidak betul, tekan * berkali-kali, dan pilih perkataan dari senarai. Jika aksara? dipaparkan selepas kata, kata yang ingin anda tuliskan tiada di dalam kamus. Untuk menambahkan perkataan pada kamus, pilih **Mengeja**. Masukkan perkataan menggunakan input teks tradisional, dan pilih **Simpan**. Untuk menulis perkataan majmuk, masukkan bahagian pertama perkataan tersebut dahulu, dan tekan kekunci tatal kanan untuk mengesahkannya. Tulis bahagian akhir perkataan dan sahkan kata tersebut.
- 3 Mulakan menulis kata seterusnya.



Mesej

Menulis dan menghantar mesej

- 1 Pilih **Menu** > **Mesej** > **Buat mesej** > **Mesej**.
- 2 Masukkan satu atau lebih nombor telefon pada medan **Kepada**: Untuk mengambil semula nombor telefon dari, pilih **Tambah**.
- 3 Masukkan mesej anda dalam medan **Teks**: field. Untuk menggunakan templat teks, tatal ke bawah dan pilih **Masukkn..**
- 4 Pilih **Hantar**.

Menulis dan menghantar mesej multimedia

- 1 Pilih **Menu** > **Mesej** > **Buat mesej** > **Mesej**.
- 2 Masukkan satu atau lebih nombor telefon atau alamat e-mel di dalam medan **Kepada**: Untuk mengambil nombor telefon atau alamat e-mel dari memori, pilih **Tambah**.
- 3 Tuliskan mesej anda. Untuk menambah fail, tatal ke bawah, dan pilih **Masukkn..**

- 4 Untuk melihat mesej sebelum menghantarnya, pilih **Pilihan** > **Pratonton**.
- 5 Pilih **Hantar**.

Hanya peranti yang mempunyai ciri serasi boleh menerima dan memaparkan mesej multimedia. Tampilan mesej boleh berbeza-beza bergantung kepada peranti yang menerima.

Rangkaian wayarles mungkin menghadkan saiz mesej MMS. Jika gambar yang dimasukkan melebihi had ini, peranti ini boleh membuatnya lebih kecil supaya ia boleh dihantar melalui mesej MMS.

Untuk mengetahui ketersediaan dan untuk melanggan perkhidmatan mesej multimedia (MMS, perkhidmatan rangkaian), hubungi pembekal perkhidmatan anda.

Membaca dan membalas mesej

- 1 Untuk melihat mesej yang diterima, pilih **Tunjuk**. Untuk membaca mesej kemudian, pilih **Menu** > **Mesej** > **Peti masuk**.
- 2 Untuk membalas mesej, pilih **Balas**. Menulis mesej balasan.
- 3 Pilih **Hantar**.



Penting: Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej-mesej mungkin mengandungi perisian niat jahat atau mungkin merbahaya kepada peranti atau PC anda.

Pemesejan audio Nokia Xpress

- 1 Pilih **Menu** > **Mesej** > **Buat mesej** > **Mesej audio**. Perakam terbuka.
- 2 Menuturkan mesej anda.
- 3 Masukkan satu atau lebih nombor telefon pada medan **Kepada:** atau pilih **Tambah** untuk mengambil satu nombor.
- 4 Tulis mesej anda; dan pilih **Hantar**, atau tekan kekunci panggil.

Anda boleh menggunakan perkhidmatan mesej multimedia untuk membuat dan menghantar mesej audio. MMS mesti diaktifkan sebelum anda boleh menggunakan mesej audio.

Untuk membuka mesej audio yang diterima, pilih **Main**. Jika lebih daripada satu mesej diterima, pilih **Tunjuk** > **Main**. Untuk mendengar mesej kemudian, pilih **Keluar**.

Mesej kilat

Pilih **Menu** > **Mesej** > **Buat mesej** > **Mesej kilat**. Masukkan nombor telefon penerima, dan tulis mesej anda.

Mesej flash adalah mesej teks yang dipaparkan dengan serta-merta selepas diterima. Mesej flash tidak disimpan secara automatik.

Aplikasi e-mel

Untuk mengaktifkan tetapan e-mel, pilih **Menu** > **Mesej** > **Tetapan mesej** > **Mesej e-mel**.

Untuk menggunakan fungsi e-mel di telefon anda, anda memerlukan sistem e-mel yang serasi.

Periksa tetapan e-mel anda dengan pembekal perkhidmatan e-mel anda. Anda boleh menerima tetapan-tetapan tatarajah e-mel sebagai mesej tatarajah.

E-mel tetapan wizard

Pilih **Menu** > **Mesej** > **Peti mel e-mel** > **Pilihan** > **Tambah peti mel** > **Wiz. p'sediaan. e-mel**.

Untuk memasukkan tetapan secara manual, pilih **Menu** > **Mesej** > **Peti mel e-mel** > **Pilihan** > **Tambah peti mel** > **Buat secara manual**.

Aplikasi e-mel memerlukan pusat akses Internet tanpa proksi. Pusat akses WAP biasanya merangkumi proksi dan tidak berfungsi dengan aplikasi e-mel.

Menulis dan menghantar e-mel

- 1 Pilih **Menu** > **Mesej** > **Buat mesej** > **E-mel**.
- 2 Masukkan alamat e-mel penerima, tulis subjeknya, dan masukkan mesej e-melnya. Untuk melampirkan fail, pilih **Pilihan** > **Masukkan**.
- 3 Untuk menghantar mesej e-mel **Hantar**.

Anda boleh menulis mesej e-mel anda sebelum menyambung kepada perkhidmatan e-mel; atau menyambung dahulu kepada perkhidmatan itu, kemudian menulis dan menghantar e-mel anda.

Jika lebih daripada satu akaun e-mel ditentukan, pilih akaun yang anda mahu e-mel dihantar.

Untuk menyimpan e-mel anda, pilih **Pilihan** > **Simpan mesej**. Untuk mengedit atau terus menulis e-mel anda kemudian, pilih **Sebagai mesej draf**.

Untuk menghantar e-mel dari folder draf, pilih **Menu** > **Mesej** > **Draf** dan mesej yang diingini.

Memuat turun e-mel

- 1 Untuk memuat turun mesej e-mel yang telah dihantar ke akaun e-mel anda, pilih **Menu** > **Mesej**.
Jika lebih daripada satu akaun e-mel ditetapkan, pilih akaun dari mana anda ingin memuat turun e-mel. Aplikasi e-mel hanya memuat turun tajuk e-mel dahulu.

- 2 Pilih e-mel dan tekan **Buka** untuk memuat turun mesej e-mel yang lengkap.

Membaca dan membalas e-mel

- 1 Pilih **Menu** > **Mesej** nama akaun, dan mesej yang dikehendaki.
- 2 Untuk membalas e-mel, pilih **Pilihan** > **Balas**. Sahkan atau edit alamat dan perkara e-mel, kemudian tulis balasan anda.
- 3 Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**.
Untuk menamatkan sambungan ke peti e-mel, pilih **Pilihan** > **Putuskan sambungan**.



Penting: Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej e-mel mungkin mengandungi perisian yang berbahaya atau jika tidak mungkin boleh merosakkan peranti atau PC anda.


Mesej segera

Dengan mesej segera (IM, perkhidmatan rangkaian) anda boleh menghantar mesej pendek dan mudah kepada pengguna dalam talian. Anda perlu melangani perkhidmatan dan berdaftar dengan perkhidmatan IM yang anda mahu gunakan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pendaftaran untuk perkhidmatan IM, hubungi pembekal perkhidmatan anda.

Mesej suara

Untuk memanggil peti mel suara anda, pilih **Menu > Mesej > Mesej suara > Dengar mesej suara**. Untuk memasukkan, mencari, atau mengedit nombor peti mel suara anda, pilih **No. peti mel suara**.

Peti mel suara ialah perkhidmatan rangkaian, dan anda mungkin perlu melanggannya. Untuk maklumat lanjut hubungi pembekal perkhidmatan anda.

Jika disokong oleh rangkaian,  menandakan mesej suara baru. Untuk memanggil nombor peti mel suara anda, pilih **Dengar**.

Tetapan mesej

Tetapan umum

Tetapan umum adalah biasa untuk mesej teks dan multimedia.

Pilih **Menu > Mesej > Tetapan mesej > Tetapan umum** dan daripada pilihan yang berikut:

Simpan mesej dihntnr. > Ya – untuk menetapkan telefon supaya menyimpan mesej yang dihantar di dalam folder **Perkara dihantar**.

M'ganti dlm Dihantar > Dibenarkan – untuk menetapkan telefon supaya menggantikan mesej lama yang telah

dihantar dengan mesej baru apabila memori mesej penuh. Tetapan ini dipaparkan hanya jika anda telah memilih **Simpan mesej dihntnr. > Ya**.

Penerima kegemaran – untuk menentukan penerima atau kumpulan mesej tersedia dengan mudah apabila menghantar mesej

Saiz fon – untuk memilih saiz fon yang digunakan dalam mesej

Senyuman grafik > Ya – untuk menetapkan telefon supaya menggantikan senyuman yang berdasarkan aksara dengan senyuman grafik

Mesej teks

Tetapan mesej teks menjejaskan penghantaran, penerimaan, dan paparan mesej dan mesej e-mel SMS.

Pilih **Menu > Mesej > Tetapan mesej > Mesej teks** dan daripada pilihan yang berikut:

P'hantaran. laporan > Ya – untuk meminta rangkaian menghantarkan laporan penghantaran tentang mesej-mesej anda (perkhidmatan rangkaian)

Pusat mesej > Tambah pusat – untuk menetapkan nombor telefon dan nama pusat mesej yang dikehendaki untuk menghantar mesej teks. Anda menerima nombor ini daripada pembekal perkhidmatan anda

Pusat mesej diguna – untuk memilih pusat mesej yang sedang digunakan

Kesahan mesej – untuk memilih jangka masa rangkaian cuba menghantar mesej anda

Mesej dihantar sbg. – untuk memilih format mesej untuk dihantar: **Teks**, **Mengelui**, atau **Faks** (perkhidmatan rangkaian)

Guna data paket > Ya – untuk menetapkan GPRS pembawa SMS yang diutamakan

Sokongan aksara > Penuh – untuk memilih semua aksara dalam mesej untuk dihantar sebagaimana dilihat. Jika anda memilih **Dikurangkan**, aksara dengan aksen dan tanda-tanda lain boleh ditukar kepada aksara-aksara lain

Bls. m'lui pusat sama > Ya – untuk membenarkan penerima mesej anda menghantar balasan kepada anda menggunakan pusat mesej anda (perkhidmatan rangkaian)

Mesej multimedia

Tetapan mesej menjejaskan penghantaran, penerimaan, dan paparan mesej multimedia. Anda mungkin menerima tetapan tatarajah bagi mesej multimedia sebagai mesej tatarajah. Lihat "[Perkhidmatan tetapan tatarajah](#)" h. 17. Anda juga boleh memasukkan tetapan secara manual. Lihat "[Tatarajah](#)" h. 38.

Pilih **Menu > Mesej > Tetapan mesej > Mesej multimedia** dan daripada pilihan yang berikut:

P'hantaran. laporan > Ya – untuk meminta rangkaian menghantarkan laporan penghantaran tentang mesej-mesej anda (perkhidmatan rangkaian)

Mod ciptaan MMS – untuk menyekat atau membenarkan pelbagai jenis multimedia di tambah ke mesej

Saiz imej (bebas) atau **Saiz imej (terbatas)** – bergantung pada tetapan mod pembuatan MMS

Pemasaan slaid lalai – untuk menetapkan masa lalai antara slaid-slaid dalam mesej multimedia

Bnrkn trima m'media – untuk menerima atau menghalang mesej multimedia, pilih **Ya** atau **Tidak**. Jika anda pilih **Dalam rangkn. rumah**, anda tidak boleh menerima mesej multimedia apabila di luar rangkaian rumah anda. Tetapan lalai perkhidmatan mesej multimedia biasanya **Dalam rangkn. rumah**. Ketersediaan menu ini bergantung pada telefon anda

Mesej multim. masuk – untuk menentukan bagaimana mesej multimedia di sdapat kembali. Tetapan ini tidak dipaparkan jika **Bnrkn trima m'media** ditetapkan ke **Tidak**

Benarkan iklan – untuk menerima atau menolak iklan. Tetapan ini tidak dipaparkan jika **Bnrkn trima m'media** ditetapkan ke **Tidak**, atau **Mesej multim. masuk** ditetapkan ke **Tolak**

Tetapan tatarajah > Tatarajah – hanya tatarajah yang menyokong mesej multimedia dipaparkan. Pilih satu pembekal perkhidmatan, **Lalai**, atau **Tatarajah peribadi** bagi mesej multimedia. Pilih **Akaun** dan satu akaun MMS yang terkandung dalam tetapan-tetapan tatarajah yang aktif

Saiz imej dlm. e-mel – untuk memilih saiz imej dalam e-mel

Edit peti mel – untuk menambah peti mel baru atau edit peti yang sedang digunakan

Mesej e-mel

Tetapan-tetapan mesej menjejaskan penghantaran, penerimaan, dan paparan e-mel. Anda boleh menerima tetapan sebagai mesej tatarajah. Lihat "[Perkhidmatan tetapan tatarajah](#)" h. 17. Anda juga boleh memasukkan tetapan secara manual. Lihat "[Tatarajah](#)" h. 38.

Pilih **Menu > Mesej > Tetapan mesej > Mesej e-mel** dan daripada pilihan-pilihan berikut:

P'britahu. e-mel baru – untuk memilih sama ada pemberitahuan ditunjukkan apabila e-mel diterima

Bnr. penerimaan mel – untuk memilih sama ada e-mel boleh di terima dalam rangkaian asing atau hanya dalam rangkaian tempatan


Balas dgn. mesej asal – untuk memilih jika mesej original dimasukkan ke dalam balasan



Kenalan

Anda boleh menyimpan nama dan nombor telefon (kenalan) dalam memori telefon dan dalam memori kad SIM.

Memori telefon boleh menyimpan kenalan dengan butiran tambahan, seperti pelbagai nombor telefon dan item teks. Anda juga boleh menyimpan imej untuk sebilangan kenalan yang terhad.

Memori kad SIM boleh menyimpan nama dengan satu nombor telefon dilampirkan padanya. Kenalan-kenalan yang disimpan dalam memori kad SIM ditandakan dengan  .

Menyimpan nama dan nombor telefon

Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Nama** > **Pilihan** > **Tambah kenalan baru**. Nama dan nombor disimpan di dalam memori yang digunakan.

Menambah butiran kenalan

Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Tetapan**, dan pastikan bahawa **Memori digunakan** adalah **Telefon** atau **Telefon dan SIM**.

Dalam memori telefon anda boleh menyimpan pelbagai jenis nombor telefon, nada atau klip video, dan item teks pendek untuk kenalan.

Cari kenalan yang ingin ditambahkan butiran, dan pilih **Butiran** > **Pilihan** > **Tambah butiran**. Pilih daripada pilihan yang tersedia.

Mencari kenalan

Pilih **Menu** > **Kenalan** > **Nama**. Tatal melalui senarai kenalan, atau masukkan aksara pertama bagi nama yang anda sedang mencari.

Menyalin atau memindahkan kenalan

Anda boleh memindahkan dan menyalin kenalan dari memori kenalan telefon ke memori kad SIM atau sebaliknya. Memori kad SIM boleh menyimpan nama dengan satu nombor telefon dilampirkan padanya.

Untuk mengalih atau menyalin semua kenalan, pilih **Menu** > **Kenalan** > **Pindah kenalan** atau **Salin kenalan**.

Untuk mengalih atau menyalin kenalan satu demi satu, pilih **Menu > Kenalan > Nama**. Tatal ke kenalan, dan pilih **Pilihan > Pindah kenalan** atau **Salin kenalan**.

Untuk mengalih atau menyalin berbilang kenalan, pilih **Menu > Kenalan > Nama**. Tatal ke kenalan, dan pilih **Pilihan > Tanda**. Tandakan kenalan yang lain, dan pilih **Pilihan > Pindah yang ditanda** atau **Salin yang ditanda**.

Mengedit kenalan

Pilih **Menu > Kenalan > Nama**. Tatal ke kenalan, dan pilih **Pilihan > Edit kenalan**, dan tatal ke butiran yang ingin anda ubah.

Kumpulan

Pilih **Menu > Kenalan > Kumpulan** untuk menyusun nama dan nombor telefon ke dalam kumpulan pemanggil dengan nada deringan yang berbeza dan imej kumpulan.

Kad niaga

Anda boleh menghantar dan menerima maklumat kenalan seseorang dari peranti yang serasi yang menyokong piawai vCard sebagai kad niaga.

Untuk menghantar kad niaga, cari kenalan yang maklumatnya ingin anda hantar, dan pilih **Butiran > Pilihan > Hantar kad niaga**.

Apabila anda menerima kad niaga, pilih **Tunjuk > Simpan** untuk menyimpan kad niaga dalam memori telefon. Untuk membuang kad niaga, pilih **Keluar > Ya**.

Tetapan kenalan

Pilih **Menu > Kenalan > Tetapan** dan daripada pilihan yang berikut:

Memori digunakan – Lihat "[Menambah butiran kenalan](#)" h. 29.

Pameran kenalan – untuk memilih bagaimana nama dan nombor dalam **Kenalan** dipaparkan

Paparan nama – untuk memilih sama ada nama pertama atau nama akhir kenalan dipaparkan dahulu

Saiz fon – untuk menetapkan saiz fon bagi senarai kenalan

Taraf memori – untuk melihat muatan memori yang bebas dan yang digunakan



Log

Pilih **Menu > Log > Panggilan tak jwb, Panggilan dit'ma,** atau **No. yg s'dh didail.** Untuk melihat panggilan terbaru yang tidak dijawab dan yang diterima dan nombor yang sudah didail mengikut susunan waktu, pilih **Log panggilan.** Untuk melihat kenalan yang terbaru anda hantarkan mesej, pilih **Penerima mesej.**

Untuk melihat bilangan mesej teks dan multimedia yang telah anda hantar dan terima, pilih **Menu > Log > Log mesej.**



Nota: Invois sebenar untuk panggilan dan perkhidmatan dari pembekal perkhidmatan anda mungkin berbeza-beza, bergantung kepada ciri rangkaian, pembundaran untuk bil, cukai, dan sebagainya.

Tetapan



Profil

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Profil**, profil yang diinginkan, dan dari pilihan berikutnya:

Aktifkan — untuk mengaktifkan profil yang dipilih.

Pilihan sendiri — untuk menyesuaikan profil dengan nada bunyi, kelantangan nada, isyarat getar atau nada isyarat mesej.

Ditetap masa — untuk menetapkan profil aktif untuk masa tertentu sehingga 24 jam. Selepas waktu ini profil sebelumnya menjadi aktif.

Tema

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Tema** dan daripada pilihan yang berikut:

Pilih tema — untuk menetapkan tema. Satu senarai folder di dalam **Galeri** dibuka. Buka folder **Tema**, dan pilih satu tema.

Muat turun tema — untuk membuka senarai pautan bagi memuat turun lebih banyak tema.

Nada

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Nada**.

Pilih **Pilihan** > **Simpan** untuk menyimpan tetapan atau **Batal** untuk membiarkan tetapan tidak diubah.

Jika anda pilih aras nada dering paling tinggi, nada dering mencecah aras paling tingginya selepas beberapa saat.

Paparan

Dengan tetapan paparan anda boleh peribadikan pameran paparan telefon anda.

Tetapan mod siap sedia

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Paparan** dan daripada pilihan yang berikut:

Gambar latar — untuk menetapkan peranti anda supaya memaparkan imej atau slaid sebagai kertas hias dinding apabila telefon dalam mod siap sedia. Pilih **Imej** atau **Set slaid**, tatal ke folder berkaitan dan pilih imej atau slaid yang anda mahu

Siap sedia aktif – untuk memilih sama ada telefon anda memaparkan siap sedia aktif

Warna fon siap sedia – untuk memilih warna bagi teks pada paparan dalam mod siap sedia

Ikon k'kunci navigasi – untuk memaparkan ikon pintasan kekunci navigasi pada waktu itu dalam mod siap sedia apabila siap sedia aktif dinyahaktifkan

Butiran p'beritahuan – untuk menunjukkan atau menyembunyikan butiran seperti butiran kenalan, dalam kedua-dua panggilan tidak di jawab dan pemberitahuan penerimaan mesej

Gambar skrin – untuk menetap telefon anda supaya memaparkan imej atau slaid sebagai kertas hias dinding apabila telefon dalam mod siap sedia

Penjimat kuasa – untuk menjimatkan kuasa bateri, jam digital dipaparkan apabila tiada fungsi telefon digunakan buat jangka masa tertentu

Mod tidur – untuk menjimatkan kuasa bateri paparan menjadi hitam apabila tiada fungsi telefon digunakan pada masa tertentu

Saiz fon – untuk menetap saiz fon bagi membaca dan menulis mesej, serta melihat kenalan dan halaman web

Logo operator – untuk menetapkan telefon anda supaya memaparkan atau menyembunyikan logo operator, jika tersedia

Paparan maklumt. sel > Aktif – untuk menerima maklumat dari operator rangkaian bergantung kepada sel rangkaian yang digunakan (perkhidmatan rangkaian)

Tarikh dan masa

Pilih **Menu > Tetapan > Tarikh dan masa > Ttpan. tarikh & masa, Format tarkh. & masa**, atau **Kms. kini auto masa** (rangkaiannya perkhidmatan) untuk mengubah masa, zon masa, dan tetapan tarikh.

Pintasan saya

Dengan pintasan peribadi anda mendapatkan akses cepat ke fungsi-fungsi telefon yang kerap digunakan.

Kekunci pilihan kiri

Pilih **Menu > Tetapan > Pintasan saya > Kekunci pilihan kiri**. Pilih fungsi dari senarai.

Kekunci pilihan kanan

Pilih **Menu > Tetapan > Pintasan saya > K'kunci pilihan kanan**. Pilih fungsi dari senarai.

Kekunci navigasi

Untuk memberi fungsi telefon yang lain dari senarai yang dipratetap ke kekunci tatal, pilih **Menu > Tetapan > Pintasan saya > Kekunci navigasi**.

Mod sedia aktif

Pilih **Menu > Tetapan > Pintasan saya > Kknci s/sedia aktif** untuk pilih fungsi dari senarai.

Menyegerak dan membuat sandaran

Pilih **Menu > Tetapan > Pygrkn & sandrn**. untuk menyegerakkan atau menyalin data antara telefon anda dan telefon yang lain atau pelayan jauh (perkhidmatan rangkaian).

Tukar telefon — untuk segerakkan atau menyalin data antara dua telefon

Pemindahan data — untuk memindahkan data antara telefon anda dan peranti yang lain

Kesambungan

Anda boleh menyambungkan telefon ke telefon yang serasi dengan menggunakan teknologi wayarles Bluetooth, atau sambungan kabel data USB.

Kesambungan dengan Bluetooth

Peranti ini mematuhi Bluetooth Spesifikasi 2.0 yang menyokong profil berikut: Akses SIM, object push, pemindahan fail, rangkaian dailan, set kepala, bebas tangan, aplikasi penemuan perkhidmatan, akses generik, port siri, dan pertukaran objek generik. Untuk memastikan keantarakendalian di antara peranti-peranti lain yang menyokong teknologi Bluetooth, gunakan tambahan-tambahan Nokia yang diluluskan untuk model ini. Periksa dengan pembuat peranti lain untuk menentukan keserasiannya dengan peranti ini.


Teknologi Bluetooth membolehkan anda menyambungkan telefon anda ke telefon Bluetooth yang serasi dalam jarak 10 meter (33 kaki). Oleh kerana peranti yang menggunakan teknologi Bluetooth berkomunikasi menggunakan gelombang radio, telefon anda dan telefonyang satu lagi itu tidak perlu berada dalam garis tampak langsung, walaupun sambungan boleh jadi mendapat gangguan dari halangan seperti tembok atau dari peranti-peranti elektronik lain.

Ciri menggunakan teknologi Bluetooth meningkatkan tuntutan terhadap kuasa bateri dan mengurangkan hayat bateri.

Menyediakan sambungan Bluetooth

Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth > Aktif**.

Pilih **Nama telefon saya** untuk menetapkan atau mengubah nama telefon anda yang boleh nampak oleh peranti Bluetooth yang lain.

 menandakan Bluetooth aktif. Perlu diingati bahawa Bluetooth menggunakan kuasa bateri dan mengurangkan hayat bateri.

Sambung peranti Bluetooth

Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth > Cari tambahan audio** dan peranti yang anda hendak sambungkan.

Melihat senarai sambungan Bluetooth anda

Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth > Peranti aktif**.

Menghantar data ke peranti Bluetooth

Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth > Peranti yg berpasang**. Pilih peranti yang ingin anda sambungkan, dan masukkan kod laluan. Untuk sambung ke peranti yang lain, anda perlu bersetuju pada kata laluan (sehingga 16 aksara) untuk menggunakannya. Anda perlu menggunakan kata laluan satu kali untuk menetapkan sambungan dan memulakan pemindahan data.

Jika anda tidak nampak peranti itu pada senarai, pilih **Baru** untuk menyenaraikan peranti Bluetooth dalam jarak lingkungan.

Menyembunyikan peranti Bluetooth anda daripada orang lain

Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth > K'bolhlihatan tel saya** atau **Nama telefon saya**. Pilih **Tersembunyi**, atau matikan Bluetooth sepenuhnya.

Tetapan modem

Anda boleh menyambungkan telefon menggunakan teknologi wayarles Bluetooth atau sambungan kabel data USB ke PC yang serasi dan menggunakan telefon sebagai modem untuk membolehkan kesambungan GPRS dari PC.

Untuk menentukan tetapan sambungan dari PC anda:

- 1 Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Data paket > Tetapan data paket > Pusat akses aktif**, dan aktifkan pusat akses yang ingin anda gunakan.
- 2 Pilih **Edit pusat akses aktif**, masukkan nama untuk mengubah tetapan pusat akses, dan pilih **OK**.
- 3 Pilih **Pusat aks. data paket**, masukkan nama pusat akses (APN) untuk mewujudkan sambungan kepada rangkaian, dan pilih **OK**.
- 4 Mewujudkan sambungan internet dengan menggunakan telefon anda sebagai modem.

Lihat "Nokia PC Suite" panduan pengguna untuk maklumat lanjut. Jika anda telah menetapkan tetapan kedua-duanya pada PC anda dan pada telefon anda, tetapan PC akan digunakan.

Menyegerakkan dari PC yang serasi

Untuk menyegerakkan data dari kalendar, nota, dan kenalan, pasang perisian Nokia PC Suite untuk telefon anda pada PC. Gunakan teknologi wayarless Bluetooth atau data kabel CA-101 untuk penyegerakan, dan mula menyegerakkan dari PC.

Menyegerakkan dari pelayan

Untuk menggunakan pelayan Internet jauh, langgani ke perkhidmatan penyegerakan. Untuk maklumat lanjut dan

tetapan yang diperlukan untuk perkhidmatan ini, hubungi pembekal perkhidmatan anda.

data kabel USB

Anda boleh menggunakan kabel data USB CA-101 untuk memindahkan data antara telefon dan PC atau pencetak yang menyokong PictBridge. Anda juga boleh menggunakan kabel data USB dengan Nokia PC Suite.

Untuk mengaktifkan telefon untuk pemindahan data atau mencetak imej, sambungkan kabel data. Sahkan **Kabel data USB tersambung. Pilih mod.**, dan daripada pilihan-pilihan berikut:

PC Suite – untuk menggunakan telefon untuk berinteraksi dengan aplikasi pada PC yang mempunyai Nokia PC Suite

Pencetakan & media – untuk menggunakan telefon anda dengan pencetak PictBridge serasi, atau menyambungkan telefon pada PC untuk menyegerakkannya dengan Windows Media Player (muzik, video)

Simpanan data – untuk menyambungkan PC yang tidak mempunyai perisian Nokia dan menggunakan telefon sebagai peranti simpanan data

Untuk menukar mod USB, pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Kabel data USB > PC Suite, Pencetakan & media**, atau **Simpanan data**.

Panggilan

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Panggilan** dan daripada pilihan yang berikut:

Alih panggilan – untuk mengalihkan panggilan masuk anda (perkhidmatan rangkaian). Anda mungkin tidak dapat mengalihkan panggilan anda jika beberapa fungsi sekatan panggilan sedang aktif. Lihat **Khidmat sekatan pgl.** dalam "**Kod akses**" h. 12.

Jwb guna sbrg. knci > **Aktif** – untuk menjawab panggilan masuk dengan menekan sebentar sebarang kekunci, kecuali kekunci kuasa, kekunci kamera, kekunci pilihan kiri dan kanan, atau kekunci tamat

Dail s'mla automatik > **Aktif** – untuk membuat maksimum 10 percubaan untuk menyambungkan panggilan selepas satu percubaan memanggil yang gagal

Kejelasan suara > **Aktif** – untuk menambah kejelasan pertuturan terutamanya dalam persekitaran yang bising

Dail cepat > **Aktif** – untuk mendail nama dan nombor telefon yang diberikan kepada kekunci dail cepat **3** hingga **9**, tekan dan tahan kekunci nombor yang sepadan

Panggilan menanti > **Aktif** – Lihat "**Panggilan menanti**" h. 21

Ringkasan slps. pgl. > **Aktif** – untuk memaparkan sebentar anggaran tempoh dan kos (perkhidmatan rangkaian) panggilan selepas setiap panggilan

Htr id'titi pmggl. saya > **Ya** – untuk memaparkan nombor telefon anda kepada orang yang anda panggil (perkhidmatan rangkaian). Untuk menggunakan tetapan yang telah dipersetujui dengan pembekal perkhidmatan anda, pilih **Ditetapan rangkaian**.

Telefon

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Telefon** dan dari pilihan yang berikut:

Tetapan bahasa – untuk menetapkan bahasa paparan telefon anda, pilih **Bahasa telefon. Automatik** pilih bahasa mengikut butiran pada kad SIM. Untuk memilih bahasa kad USIM, pilih **Bahasa SIM**. Untuk menetapkan bahasa untuk main balik suara, pilih **Bahasa pencacaman**.

Taraf memori – untuk melihat jumlah penggunaan dan memori telefon yang tersedia

Kawal kekunci auto. – Lihat "**Kod akses**" h. 12

Pencacaman suara – Lihat "**Dailan suara tambahan**" h. 21

Kawal k'nci k'slmtan – Lihat "**Kod akses**" h. 12

Kata sambutan – untuk menulis nota yang diperlihatkan apabila telefon dihidupkan

Kemas kini telefon – untuk mengemas kini perisian telefon jika terdapat kemas kini tersedia

Mod rangkaian – untuk memilih mod dual (UMTS atau GSM). Anda tidak boleh mengakses pilihan ini semasa panggilan sedang aktif

Pilihan operator > Automatik – untuk menetapkan telefon supaya memilih secara automatik salah satu daripada rangkaian selular yang terdapat di kawasan anda. Dengan **Manual** anda boleh memilih rangkaian yang mempunyai perantaraan perayauan dengan pembekal perkhidmatan anda

Aktifkn teks bantuan – untuk memilih sama ada telefon memaparkan teks bantuan

Nada permulaan > Aktif – untuk memilih sama ada telefon memainkan nada apabila telefon dihidupkan

Pertanyaan p'nrngn. – Lihat "**Mod penerbangan**" h. 19

Tatarajah

Anda boleh menatarajah telefon anda dengan tetapan yang diperlukan untuk perkhidmatan tertentu berfungsi dengan betul. Pembekal perkhidmatan anda mungkin juga menghantar anda tetapan ini sebagai mesej tatarajah.

Pilih **Menu > Tetapan > Tatarajah** dan daripada pilihan yang berikut:

Ttpn. tatarajah lalai – untuk melihat pembekal-pembekal perkhidmatan yang disimpan di dalam telefon.

Untuk menetapkan tetapan tatarajah pembekal perkhidmatan sebagai tetapan lalai, pilih **Pilihan > Tetap sebagai lalai**.

Akt. lalai dlm sma apl – untuk mengaktifkan tetapan tatarajah lalai bagi aplikasi yang disokong.

Pusat aks. diutamakan – untuk melihat pusat-pusat akses yang disimpan. Tatal ke satu pusat akses, dan pilih **Pilihan > Butiran** untuk melihat nama pembekal perkhidmatan, pembawa data, dan pusat akses data paket atau nombor dailan GSM.

Sambung ke bantuan – untuk memuat turun tetapan tatarajah daripada pembekal perkhidmatan anda.

Ttpn tatarajah pribdi – untuk menambah akaun peribadi baru secara manual bagi pelbagai perkhidmatan dan untuk mengaktifkan atau memadamkannya. Parameter berbeza-beza menurut jenis perkhidmatan yang dipilih.

Menyimpan semula tetapan kilang

Untuk menetapkan sesetengah tetapan menu kepada nilai asalnya, pilih **Menu > Tetapan > S/smla ttp kilang**. Masukkan kod keselamatan. Nama dan nombor telefon yang disimpan di dalam **Kenalan** tidak dipadam.

Menu operator

Menu ini membolehkan anda mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh operator rangkaian anda. Nama dan ikon bergantung kepada operator. Untuk maklumat lanjut, hubungi operator rangkaian anda. Operator boleh mengemas kini menu ini dengan satu mesej perkhidmatan.

Mesej maklumat

Pilih **Menu > Mesej > Mesej maklumat**. Anda boleh menerima mesej mengenai pelbagai topik dari pembekal perkhidmatan anda (perkhidmatan rangkaian). Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal perkhidmatan anda.

Arahan khidmat

Pilih **Menu > Mesej > Arahan khidmat** untuk menulis dan menghantar permintaan perkhidmatan (arahan USSD) ke pembekal perkhidmatan anda, seperti arahan pengaktifan untuk perkhidmatan rangkaian.

Galeri



Dalam menu ini anda boleh mengurus imej, klip video, fail muzik, tema, grafik, nada, rakaman, dan fail diterima. Fail-fail ini disimpan di dalam memori telefon dan boleh disusun dalam folder.

Untuk melihat senarai folder, pilih **Menu > Galeri**.

Untuk melihat pilihan-pilihan folder yang tersedia, pilih satu folder dan **Pilihan**.

Untuk melihat senarai fail di dalam folder, pilih satu folder dan **Buka**.

Untuk melihat pilihan fail yang tersedia, pilih satu fail dan **Pilihan**.

Telefon anda menyokong sistem kunci pengaktifan bagi melindungi kandungan yang diperoleh. Sentiasa periksa syarat penghantaran sebarang kandungan dan kunci pengaktifan sebelum memperolehnya, kerana ia mungkin dikenakan bayaran.

Pengurusan hak digital

Pengurusan hak Digital (DRM) adalah perlindungan hak cipta, direka cipta untuk mencegah pengubahsuaian dan

untuk membataskan pengedaran fail yang dilindungi. Apabila anda memuat turun fail-fail yang dilindungi, seperti bunyi, video, tema, atau nada deringan ke telefon anda, fail-fail tersebut adalah percuma, tetapi dikunci. Anda membayar kekunci untuk mengaktifkan fail tersebut, dan kekunci pengaktifan dihantar secara automatik ke telefon anda semasa anda memuat turun fail tersebut.

Untuk melihat keizinan bagi fail yang dilindungi, tatal ke fail dan pilih **Pilihan > Kunci pengaktifan**. Contohnya, anda boleh lihat sebanyak mana masa anda boleh melihat video atau sebanyak mana hari yang tinggal untuk mendengar lagu.

Untuk memanjangkan keizinan bagi sesuatu fail, pilih **Pilihan** dan pilihan yang sepadan bagi jenis fail itu, seperti **Aktifkan tema**. Anda boleh menghantar sesetengah jenis fail yang dilindungi kepada rakan-rakan anda, dan mereka boleh membeli kekunci pengaktifan sendiri.

Perlindungan hak cipta boleh mencegah sesetengah imej, muzik (termasuk nada dering), dan kandungan lain daripada disalin, diubah suai, dipindahkan atau dikemukakan.

Telefon ini menyokong OMA DRM 2.0.

Pemilik kandungan boleh menggunakan jenis teknologi pengurusan hak digital (DRM) yang berlainan untuk melindungi harta intelektual mereka, termasuk hak cipta. Peranti ini menggunakan pelbagai jenis perisian DRM untuk mengakses kandungan yang dilindungi DRM.

Dengan peranti ini anda boleh mengakses kandungan yang dilindungi dengan "OMA DRM 2.0". Jika perisian DRM yang tertentu gagal melindungi kandungan, pemilik kandungan boleh meminta kemampuan perisian DRM ini untuk mengakses kandungan yang dilindungi DRM baru ini dibatalkan. Pembatalan juga akan mengelakkan pembaharuan kandungan yang dilindungi DRM yang telah ada dalam peranti anda. Pembatalan perisian DRM yang sedemikian tidak menjejaskan penggunaan kandungan yang dilindungi dengan jenis DRM lain atau penggunaan kandungan yang bukan dilindungi DRM.

Kandungan yang dilindungi pengurusan hak digital (DRM) didatangkan dengan kunci pengaktifan berkaitan yang menentukan hak anda untuk menggunakan kandungan.

Jika peranti anda kandungan yang dilindungi OMA DRM, untuk menyandarkan kedua-dua kunci pengaktifan dan kandungannya, gunakan ciri sandaran Nokia PC Suite. Cara pemindahan lain mungkin tidak boleh memindahkan kunci pengaktifan yang perlu disimpan semula dengan kandungan yang membolehkan anda meneruskan penggunaan kandungan yang dilindungi OMA DRM selepas memori peranti diformat. Anda mungkin juga perlu

menyimpan semula kunci pengaktifan sekiranya fail pada peranti anda rosak.

Mencetak imej

XpressPrint

Peranti anda menyokong Nokia XPressPrint. Untuk menyambungkannya dengan pencetak yang serasi gunakan kabel data USB atau hantarkan imej melalui Bluetooth ke pencetak yang menyokong teknologi Bluetooth. Lihat "[Kesambungan](#)" h. 34.

Anda boleh mencetak imej yang dalam format .jpg. Imej yang diambil dengan kamera disimpan secara automatik dalam format .jpg.

Pilih imej yang ingin anda cetak dan **Pilihan > Cetak**.

Media



Anda boleh mengambil gambar atau merakam klip video secara langsung dengan kamera 2 megapiksel yang terbina dalam.

Kamera

Kamera tersebut menghasilkan gambar dalam format .jpg, dan anda boleh zum secara digital sehingga lapan kali.

Mengambil imej

Pilih **Menu > Media > Kamera > Tangkap**. Untuk mengambil gambar yang lain, pilih **Balik**; untuk menghantar imej sebagai mesej multimedia, pilih **Pilihan > Hantar**. Telefon menyimpan gambar di dalam **Galeri > Imej**.

Pastikan jarak yang selamat apabila menggunakan flash. Jangan gunakan flash pada orang atau haiwan pada jarak yang dekat. Jangan tutup flash semasa mengambil gambar.

Video

Untuk menetapkan klip video anda, pilih **Menu > Media > Video > Pilihan > Tetapan > Kualiti klip video > Tinggi, Biasa**, atau **Asas**.

Untuk memilih pengehadan saiz fail, pilih **Menu > Media > Video > Pilihan > Tetapan > Panjang klip video**.

Anda boleh merakam klip video dalam format .3gp. Masa merakam sedia ada bergantung pada panjang klip video dan kualiti tetapan. Panjang dan saiz fail klip mungkin berbeza bergantung pada kualiti yang dipilih dan memori sedia ada.

Merakam klip video

Pilih **Menu > Media > Video > Rakam**. Untuk mengezum masuk atau ke luar, tekan kekunci tatal ke kiri atau ke kanan.

Pemain muzik

Untuk membuka pemain muzik, pilih **Menu** > **Media** > **Pemain muzik**.

Untuk membuka semua senarai lagu yang disimpan dalam telefon anda, pilih **Semua lagu** > **Buka**, atau tatal ke kanan.


Untuk membuat atau menguruskan senarai main, pilih **Senarai main** > **Buka**, atau tatal ke kanan.

Buka folder dengan **Artis**, **Album**, atau **Genre**, tatal ke folder yang anda ingini, dan pilih **Kmbgkan**, atau tatal ke kanan.

Untuk membuka semua senarai lagu yang disimpan dalam telefon anda, pilih **Video** > **Buka**, atau tatal ke kanan.

Telefon anda mempunyai pemain muzik untuk mendengar trek muzik, rakaman atau fail-fail bunyi MP3, AAC, eAAC+ atau Windows Media Player lain yang telah anda pindahkan ke telefon dengan aplikasi Nokia Audio Manager, yang mana sebahagian daripada Nokia PC Suite.


Memainkan muzik


Apabila anda membuka menu **Pemain muzik**, butiran trek pertama pada senarai trek lalai ditunjukkan. Untuk memainkan, pilih .


Untuk melaraskan kelantangan dalam panggilan, tekan kekunci tatal ke atas atau ke bawah.


Untuk berhenti memainkan, pilih .

Untuk berhenti main, tekan dan tahan kekunci tamat.

Untuk melangkau ke trek yang berikutnya, pilih .

Untuk melangkau ke permulaan trek yang sebelumnya, pilih .

Untuk memundurkan trek semasa, pilih dan tahan .




Untuk memajukan cepat trek semasa, pilih dan tahan . Lepaskan kekunci di kedudukan yang anda mahu.




Amaran: Dengar muzik pada aras kelantangan yang sederhana. Pendedahan kepada kelantangan yang tinggi secara terus menerus boleh merosakkan pendengaran anda. Jangan pegang peranti ini dekat pada telinga apabila pembesar suara sedang digunakan, kerana kelantangannya mungkin sangat kuat.

Perakam Suara

- 1 Pilih **Menu** > **Media** > **Perakam**.

Untuk menggunakan kekunci grafik , , atau  pada paparan, tekan kekunci tatal ke kiri atau ke kanan untuk memilih kekunci grafik yang diingini.

- 2 Untuk memulakan rakaman, pilih . Untuk memulakan rakaman semasa panggilan, pilih **Pilihan** > **Rakam**. Semasa merakamkan panggilan, semua pihak dalam panggilan mendengar bunyi bip. Semasa

merakamkan panggilan, pegang telefon di kedudukan biasa berdekatan dengan telinga anda. Untuk memulakan rakaman, pilih **■** .

- 3 Untuk menamatkan rakaman, pilih **■** . Rakaman disimpan di dalam **Galeri > Rakaman**. Untuk mendengar rakaman terbaru, pilih **Pilihan > Main rakam terakhir**. Untuk menghantar rakaman terakhir, pilih **Pilihan > Hntr rakaman t'akhir**. Untuk melihat senarai rakaman dalam **Galeri**, pilih **Pilihan > Senarai rakaman > Rakaman**.

Anda boleh merakam cebisan percakapan, bunyi, atau panggilan aktif, dan menyimpannya dalam **Galeri**. Ini berguna apabila merakamkan nama dan nombor telefon untuk dituliskan kemudian.

Perakam tidak boleh digunakan apabila panggilan data atau sambungan GPRS sedang aktif.

Penyama

Pilih **Menu > Media > Penyama**.

Untuk mengaktifkan satu set, tatal ke salah satu daripada set-set penyama, dan pilih **Aktifkan**.

Untuk mengedit atau menamakan semula set yang dipilih, pilih **Pilihan > Edit** atau **Nama semula**. Tidak semua set boleh diedit atau dinamakan semula.

Peluasan stereo

Pilih **Menu > Media > Peluasan stereo > Aktif** atau **Tak aktif** untuk mempertingkatkan bunyi stereo dalam telefon.



Pengatur

Jam penggera

Pilih **Menu** > **Pengatur** > **Jam penggera**.

Untuk menetapkan penggera, pilih **Waktu penggera**, dan masukkan masa penggera. Untuk menukar masa penggera semasa masa penggera ditetapkan, pilih **Aktif**.

Untuk menetapkan telefon supaya memberi isyarat kepada anda pada hari-hari tertentu, pilih **Ulangi penggera**.

Untuk menetapkan tamat masa tunda, pilih **Tamat masa tunda** dan masanya.

Menghentikan penggera

Penggera akan berbunyi walaupun jika telefon dimatikan. Untuk menghentikan penggera, pilih **Henti**. Jika anda membiarkan telefon terus membunyikan penggera selama seminit atau pilih **Tunda**, penggera berhenti bagi masa yang anda tetapkan dalam **Tamat masa tunda**, dan kemudian berbunyi lagi.

Kalendar

Pilih **Menu** > **Pengatur** > **Kalendar**.

Hari semasa ditandakan dengan bingkai. Jika terdapat sebarang nota yang ditetapkan untuk hari itu, hari tersebut ditebalkan, dan permulaan nota dipaparkan di bawah kalendar. Untuk melihat nota-nota hari, pilih **Pamer**. Untuk melihat minggu, pilih **Pilihan** > **Pamer minggu**. Untuk memadam semua nota di dalam kalendar, pilih pamer bulan atau minggu, dan pilih **Pilihan** > **Padam nota**.

Untuk menetapkan tarikh, masa, zon masa, nada kalendar, format tarikh dan masa, pemisah tarikh, paparan lalai atau hari pertama bagi minggu, pilih **Tetapan**. Untuk menetapkan telefon untuk memadamkan nota lama secara automatik selepas tempoh waktu tertentu, pilih **Padam automat. nota**.

Membuat nota kalendar

Pilih **Menu** > **Pengatur** > **Kalendar**. Tatal ke tarikh, dan pilih **Pilihan** > **Buat nota** dan salah satu daripada jenis nota yang berikut: 📅 **Mesyuarat**, 📞 **Panggil**, 📁 **Harijadi**, 📝 **Memo**, atau 📄 **Peringatan**. Isikan medan.

Penggera nota

Telefon memaparkan nota dan jika ditetap, bunyi nada. Dengan nota panggilan 📞 pada paparan, panggil nombor yang dipaparkan dengan menekan kekunci panggilan. Untuk menghentikan penggera dan melihat nota, pilih **Pamer**. Untuk menghentikan penggera selama 10 minit, pilih **Tunda**.

Untuk menghentikan penggera tanpa melihat nota, pilih **Keluar**.

Senarai tugasan

Pilih **Menu** > **Pengatur** > **Senarai tugasan**.

Untuk membuat nota jika tiada nota ditambahkan, pilih **Tambah**; jika tidak, pilih **Pilihan** > **Tambah**. Isikan medan, dan pilih **Simpan**.

Untuk melihat nota, tatal ke nota itu, dan pilih **Pamer**. Apabila melihat nota, anda boleh juga memilih pilihan untuk mengedit sifat. Anda juga boleh memilih pilihan

untuk memadam nota yang dipilih dan memadam semua nota yang telah anda tandakan sebagai selesai.

Nota

Untuk menulis dan menghantar nota, pilih **Menu** > **Pengatur** > **Nota**.

Untuk membuat nota jika tiada nota ditambahkan, pilih **Tambah**; jika tidak, pilih **Pilihan** > **Buat suatu nota**. Tulis nota, dan pilih **Simpan**.

Kalkulator

Pilih **Menu** > **Pengatur** > **Kalkulator**. Apabila 0 dipaparkan di skrin, masukkan nombor pertama dalam pengiraan. Tekan **#** untuk titik perpuluhan. Tatal ke operasi atau fungsi yang diinginkan, atau pilih ia dari **Pilihan**. Masukkan nombor kedua. Ulang turutan ini sebanyak mana yang perlu. Untuk memulakan pengiraan baru, mula-mula pilih dan tahan **Padam**.

Kalkulator mempunyai ketepatan terhad dan direka bentuk untuk pengiraan yang mudah.

Pemasa undur

- 1 Untuk mengaktifkan pemasa undur, pilih **Menu** > **Pengatur** > **Pemasa undur** > **Pemasa biasa**, masukkan

masa penggera, dan tulis teks nota yang dipaparkan apabila tamat tempoh masanya. Untuk menukar masa undur, pilih **Tukar masa**.

- 2 Untuk memulakan pemasa, pilih **Mula**.
- 3 Untuk menghentikan pemasa, pilih **Henti pemasa**.

Pemasa selang

- 1 Untuk mendapatkan jarak masa sehingga dimulakan 10 jarak, masukkan jarak dahulu.
- 2 Pilih **Menu > Pengatur > Pemasa undur > Pemasa jarak waktu**.
- 3 Untuk memulakan pemasa, pilih **Mula pemasa > Mula**.

Jam randik

Pilih **Menu > Pengatur > Jam randik** dan daripada pilihan yang berikut:

Pemisahan masa – untuk mengambil masa pertengahan. Untuk memulakan pemerhatian masa, pilih **Mula**. Pilih **Pisahkan** setiap kali anda mahu mengambil masa pertengahan. Untuk menghentikan pemerhatian masa, pilih **Henti**.

Untuk menyimpan masa yang diukur, pilih **Simpan**.

Untuk memulakan pemerhatian masa sekali lagi, pilih **Pilihan > Mula**. Masa yang baru ditambahkan kepada masa yang sebelumnya. Untuk menetapkan semula masa tanpa menyimpannya, pilih **Tetap semula**.

Masa pusingan – untuk mengambil masa pusingan.

Semasa mengukur masa, fungsi telefon yang lain boleh digunakan. Untuk menetapkan pemasaan jam randik di latar belakang, tekan kekunci tamat. Pilih **Teruskan** untuk melihat pemasaan yang telah anda tetapkan di latar belakang.

Aplikasi



Melancarkan permainan

Pilih **Menu** > **Aplikasi** > **Permainan**. Tatal ke permainan yang diinginkan, dan pilih **Buka**.

Untuk menetapkan bunyi, lampu, dan guncangan bagi permainan, pilih **Menu** > **Aplikasi** > **Pilihan** > **Tetapan aplikasi**.

Melancarkan aplikasi

Pilih **Menu** > **Aplikasi** > **Kutipan**. Tatal ke satu aplikasi, dan pilih **Buka**.

Pilihan aplikasi

Versi terkini – untuk memeriksa sama ada versi baru aplikasi terdapat untuk dimuat turun dari **Web** (perkhidmatan rangkaian)

Laman web – untuk memberi maklumat lanjut atau data tambahan bagi aplikasi dari halaman internet (perkhidmatan rangkaian), jika tersedia

Akses aplikasi – untuk menyekat aplikasi daripada mengakses rangkaian



Web

Anda boleh mengakses pelbagai khidmat internet bergerak dengan penyemak imbas telefon anda.



Penting: Gunakan hanya perkhidmatan yang anda percayai dan yang menawarkan keselamatan dan perlindungan yang mencukupi daripada perisian yang merosakkan.

Periksa ketersediaan perkhidmatan ini, harga dan tarif, dan arahan dengan pembekal perkhidmatan anda.

Dengan penyemak imbas telefon anda boleh melihat perkhidmatan-perkhidmatan yang menggunakan bahasa tokon wayarles (WML) atau bahasa tokon hiperteks diperluas (xHTML) di halaman-halamannya. Kemunculan boleh berubah-ubah disebabkan saiz skrin. Anda mungkin tidak dapat melihat semua butiran di laman-laman internet.

Menyambung kepada perkhidmatan

Pastikan tetapan tatarajah yang betul bagi khidmat yang ingin anda gunakan diaktifkan.

- 1 Untuk memilih tetapan untuk menyambung kepada perkhidmatan itu, pilih **Menu > Web > Tetapan > Tetapan tatarajah**.
- 2 Pilih **Tatarajah**. Hanya tatarajah yang menyokong perkhidmatan semak imbas dipaparkan. Pilih satu pembekal perkhidmatan, **Lalai**, atau **Tatarajah peribadi** untuk menyemak imbas. Anda boleh menerima tetapan-tetapan tatarajah yang diperlukan untuk menyemak imbas sebagai mesej tatarajah daripada pembekal perkhidmatan yang menawarkan khidmat yang ingin anda gunakan.
- 3 Pilih **Akaun** dan satu akaun perkhidmatan semak imbas yang terkandung dalam tetapan-tetapan tatarajah yang aktif.
- 4 Pilih **Ppr t'tingkp terminal > Ya** untuk menjalankan pengesahan pengguna manual untuk sambungan intranet.

Buat sambungan kepada khidmat dengan salah satu daripada cara berikut:

- Pilih **Menu > Web > Rumah**; atau dalam mod siap sedia, tekan dan tahan **0**.
- Untuk memilih penanda buku untuk perkhidmatan, pilih **Menu > Web > Penanda buku**.

- Untuk memilih URL terakhir, pilih **Menu > Web > Almt web t'akhir**.
- Untuk memasukkan alamat perkhidmatan, pilih **Menu > Web > Pergi ke alamat**. Masukkan alamat perkhidmatan, dan pilih **OK**.

Menyemak imbas laman

Selepas anda membuat sambungan ke khidmat, anda boleh mula menyemak imbas halaman-halamannya. Fungsi kekunci-kekunci telefon boleh berubah-ubah dalam khidmat yang berlainan. Ikut panduan teks pada paparan. Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal perkhidmatan anda.

Penanda buku

Anda boleh menyimpan alamat halaman sebagai penanda buku di dalam memori telefon.

- 1 Semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan > Tmbh. penanda buku**; atau dalam mod siap sedia, pilih **Menu > Web > Penanda buku**.
- 2 Tatal ke satu penanda buku, dan pilih ia, atau tekan kekunci panggilan untuk membuat sambungan kepada halaman yang berkaitan dengan penanda buku itu.
- 3 Pilih **Pilihan** untuk melihat, mengedit, memadam, atau menghantar penanda buku; untuk membuat penanda

buku baru; atau untuk menyimpan penanda buku ke folder.

Peranti anda mungkin mempunyai penanda buku dan pautan yang dipasangkan terlebih dahulu untuk tapak internet pihak ketiga. Anda boleh juga mengakses tapak pihak ketiga melalui peranti anda. Tapak pihak ketiga tidak bersekutu dengan Nokia, dan Nokia tidak mengendorskan atau memikul liabiliti untuk mereka. Jika anda memilih untuk mengakses tapak yang sedemikian, anda hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga untuk keselamatan atau kandungan.

Peti masuk khidmat

Telefon boleh menerima mesej khidmat yang dihantar oleh pembekal perkhidmatan anda (perkhidmatan rangkaian). Mesej perkhidmatan adalah pemberitahuan (contohnya, tajuk berita), dan ia mungkin mengandungi mesej teks atau alamat khidmat.

Untuk mengakses **Peti msk khidmt.** dalam mod siap sedia, apabila anda menerima mesej perkhidmatan, pilih **Tunjuk**. Jika anda pilih **Keluar**, mesej akan dipindahkan ke **Peti msk khidmt.** Untuk mengakses **Peti msk khidmt.** kemudian, pilih **Menu > Web > Peti msk khidmt.**

Tetapan kemunculan

Untuk memperibadikan cara laman web dipaparkan dalam telefon anda, semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan > Pilihan lain > Tetapan kemunculan**; atau dalam mod siap sedia, pilih **Menu > Web > Tetapan > Tetapan kemunculan**.

Tetapan keselamatan

Sijil

Untuk melihat senarai sijil kuasa atau pengguna yang dimuat turun ke dalam telefon anda, pilih **Menu > Tetapan > Keselamatan > Sijil kuasa** atau **Sijil pengguna**.



dipaparkan semasa sambungan, jika penghantaran data antara telefon dan pelayan kandungan dienkrripsikan.



Penting: Walaupun penggunaan sijil mengurangkan lagi risiko yang terlibat dalam sambungan jauh dan pemasangan perisian, ia mestilah digunakan dengan betul untuk mendapat faedah daripada keselamatan yang dipertingkatkan. Adanya sijil tidak menawarkan sebarang perlindungan dengan sendirinya; pengurus sijil mestilah mengandungi sijil-sijil yang betul, tulen dan dipercayai untuk

memperoleh keselamatan yang dipertingkat. Sijil-sijil mempunyai hayat yang terhad. Jika "Sijil tamat" atau "Sijil belum sah lagi" dipaparkan walaupun ketika sijil seharusnya sah, periksa bagi memastikan tarikh dan waktu semasa di dalam peranti anda adalah betul.

Sebelum menukar sebarang tetapan sijil, anda mestilah memastikan bahawa anda benar-benar dipercayai pemilik sijil dan sijil benar-benar kepunyaan pemilik yang disenaraikan.

Terdapat tiga jenis sijil: sijil pelayan, sijil kuasa, dan sijil pengguna. Anda boleh menerima sijil-sijil ini daripada pembekal perkhidmatan anda. Sijil kuasa dan sijil pengguna boleh juga disimpan di dalam modul keselamatan oleh pembekal perkhidmatan.

Ikon keselamatan tidak menunjukkan bahawa penghantaran data antara get laluan dan pelayan kandungan (atau tempat di mana sumber yang diminta disimpan) adalah terjamin. Pembekal perkhidmatan menjamin penghantaran data antara get laluan dan pelayan kandungan.

Kuki dan cache

Kuki ialah tapak yang disimpan di dalam memori cache telefon anda. Kuki disimpan sehingga anda memadam memori cache.

Semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan > Pilihan lain > Keselamatan > Tetapan kuki**; atau dalam mod siap sedia, pilih **Menu > Web > Tetapan > Tetapan keselamatan > Kuki**. Untuk membenarkan atau menghalang telefon daripada menerima kuki, pilih **Membenarkan** atau **Tolak**.

Suatu cache ialah lokasi memori yang digunakan untuk menyimpan data buat sementara waktu. Jika anda telah cuba mengakses atau telah mengakses maklumat sulit yang memerlukan kata laluan, kosongkan cache selepas setiap kali digunakan. Maklumat atau perkhidmatan yang telah anda akses disimpan dalam cache. Untuk mengosongkan cache semasa menyemak imbas, pilih **Pilihan > Pilihan lain > Kosongkan cache**; dalam mod siap sedia, pilih **Menu > Web > Ksngkan. cache**.

Skrip melalui sambungan terjamin

Anda boleh memilih sama ada hendak membenarkan skrip berjalan dari laman terjamin. Telefon ini menyokong skrip WML.

Semasa menyemak imbas, untuk membenarkan skrip, pilih **Pilihan > Pilihan lain > Keselamatan > Tetapan WMLScript**; atau dalam mod siap sedia, pilih **Menu > Web > Tetapan > Tetapan keselamatan > WMLScript dlm samb. > Membenarkan**.



Keselamatan penyemak imbas

Ciri-ciri keselamatan diperlukan untuk sesetengah perkhidmatan, seperti perbankan atau beli-belah dalam talian. Untuk sambungan seumpama ini anda perlukan sijil keselamatan dan mungkin juga modul keselamatan, yang mungkin tersedia pada kad SIM anda. Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal perkhidmatan anda.

Tandatangan digital

Anda boleh membuat tandatangan digital dengan telefon anda jika kad SIM mempunyai modul keselamatan. Menggunakan tandatangan digital boleh jadi sama seperti menandatangani nama anda pada bil, kontrak, atau dokumen kertas lain.

Untuk membuat tandatangan digital, pilih pautan pada laman, contohnya, tajuk buku yang ingin anda beli dan harganya. Teks untuk ditandatangani, yang mungkin termasuk jumlah dan tarikh, dipaparkan.

Periksa bagi memastikan bahawa teks pengepala ialah **Baca** dan ikon tandatangan digital   dipaparkan.

Untuk menandatangani teks, baca semua teks dahulu, dan pilih **T/tangan**.

Teksnya mungkin tidak muat dalam satu skrin. Oleh itu, pastikan anda menatal dan membaca semua teks sebelum menandatangani.

Pilih sijil pengguna yang ingin anda gunakan. Masukkan PIN tandatangan. Ikon tandatangan digital akan hilang, dan khidmat itu mungkin memaparkan pengesahan pembelian anda.

Perkhidmatan SIM



Kad SIM anda mungkin menyediakan khidmat-khidmat tambahan. Anda boleh mengakses menu ini hanya jika ia disokong oleh kad SIM anda. Nama dan kandungan menu ini bergantung kepada khidmat yang tersedia.

Mengakses perkhidmatan ini mungkin melibatkan penghantaran mesej atau membuat panggilan telefon yang boleh dikenakan bayaran.

Kesambungan PC

Anda boleh menghantar dan menerima e-mel, dan mengakses Internet apabila telefon anda disambungkan kepada PC yang serasi melalui sambungan Bluetooth atau kabel data. Anda boleh menggunakan telefon anda dengan pelbagai aplikasi kesambungan PC dan komunikasi data.

Nokia PC Suite

Dengan Nokia PC Suite anda boleh menyejajarkan kenalan, kalendar, nota, dan nota tugas antara telefon anda dan PC yang serasi atau pelayan Internet jauh (perkhidmatan rangkaian). Anda boleh mendapatkan lebih banyak maklumat dan PC Suite pada laman Web Nokia di www.nokia-asia.com/6500classic/support atau laman Web Nokia setempat anda.

Aplikasi komunikasi data

Untuk maklumat mengenai penggunaan aplikasi komunikasi data, rujuk kepada pendokumenan yang disediakan bersamanya.

Membuat atau menjawab panggilan telefon semasa sambungan komputer tidak disarankan, kerana ia mungkin mengganggu operasi tersebut.

Untuk prestasi yang lebih baik semasa data panggilan, letakkan telefon di atas permukaan pegun dengan pad kekuncinya menghadap ke bawah. Jangan gerakkan telefon dengan memegangnya di dalam tangan semasa panggilan data.

Maklumat bateri dan pengecas

Peranti anda mendapat kuasa dari bateri yang boleh dicas semula. Bateri dimaksudkan untuk digunakan dengan peranti ini BL-6P. Peranti ini dimaksudkan untuk digunakan apabila mendapat bekalan kuasa daripada pengecas yang berikut: AC-6. Bateri boleh dicas dan dinyahcas beratus-ratus kali, tetapi lama kelamaan ia akan haus. Apabila masa bual dan masa siap sedia nyata lebih pendek dari biasa, gantikanlah bateri. Gunakan hanya bateri yang diluluskan oleh Nokia, dan cas semula bateri anda hanya dengan pengecas yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini. Penggunaan bateri atau pengecas yang tidak luluskan boleh mengakibatkan risiko kebakaran, letupan, kebocoran, atau bahaya yang lain.

Jika bateri digunakan buat pertama kalinya atau jika bateri telah tidak digunakan untuk tempoh yang lama, anda mungkin perlu menyambungkan pengecas dan kemudian mencabutnya dan menyambungkannya semula untuk memulakan pengecasan. Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.

Cabut pengecas dari palam elektrik dan peranti ini apabila tidak digunakan. Jangan biarkan bateri yang telah dicas penuh tersambung kepada pengecas, kerana pengecasan berlebihan boleh memendekkan hayatnya. Jika dibiarkan tanpa digunakan, bateri yang dicas penuh lama kelamaan akan hilang casnya.

Sentiasa cuba kekalkan bateri antara 15°C dan 25°C (59°F dan 77°F). Suhu yang melampau mengurangkan keupayaan dan jangka hayat bateri. Peranti dengan bateri yang sejuk atau panas mungkin tidak akan berfungsi buat sementara waktu. Prestasi bateri terhad terutamanya dalam suhu yang jauh di bawah beku.

Jangan melitar pintas bateri. Melitar pintas secara tidak sengaja boleh berlaku apabila objek logam seperti duit syiling, klip, atau pen menyebabkan sambungan langsung terminal positif (+) dan negatif (-) bateri. (Ia kelihatan seperti jalur-jalur logam pada bateri.) Ini mungkin berlaku, contohnya, apabila anda membawa bateri ganti di dalam saku atau beg tangan anda. Melitar pintas terminal boleh merosakkan bateri atau objek yang menyambungkan.

Jangan buang bateri di dalam api kerana ia boleh meletup. Bateri juga boleh meletup jika rosak. Buang bateri menurut peraturan tempatan. Sila kitar semula jika boleh. Jangan buang sebagai sisa rumah.

Jangan hapus, kerat, buka, musnah, bengkok, ubah bentuk, cucuk, atau cincang sel atau bateri. Sekiranya bateri bocor, jangan biarkan cecairnya terkena pada kulit atau mata. Sekiranya berlaku kebocoran sedemikain, segera siram kulit atau mata anda dengan air, atau dapatkan bantuan perubatan.

Jangan ubah suai, mengilang semula, cuba untuk memasukkan objek asing ke dalam bateri, serta merendam atau mendedahkannya pada air atau cecair yang lain.

Penyalahgunaan bateri boleh mengakibatkan kebakaran, letupan, atau bahaya yang lain. Jika peranti atau bateri dijatuhkan, terutamanya pada permukaan keras, dan anda percaya bateri itu rosak, bawa ia pada pusat perkhidmatan untuk pemeriksaan sebelum sambung menggunakannya.

Gunakan bateri hanya untuk tujuan kegunaannya. Jangan sekali-kali menggunakan sebarang pengecas atau bateri yang rosak. Jauhkan dari capaian kanak-kanak kecil.

Garis panduan pengesahan ketulenan bateri Nokia

Sentiasa gunakan bateri-bateri asli Nokia untuk keselamatan anda. Untuk memeriksa bagi memastikan anda telah mendapat bateri asli Nokia, belilah ia daripada wakil penjual Nokia yang sah dan periksa label hologram menggunakan langkah-langkah berikut:

Berjaya menyelesaikan langkah itu bukanlah jaminan mutlak ketulenan bateri. Jika anda mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa bateri anda bukanlah bateri asli Nokia yang tulen, jangan gunakannya. Jika ketulennanya tidak dapat ditentusahkan, kembalikan bateri itu ke tempat pembelian.

Sahkan ketulenan hologram

- 1 Apabila melihat hologram pada label, anda seharusnya melihat simbol tangan berjalinan Nokia dari satu sudut dan logo Tambahan Asli Nokia apabila melihat dari sudut lain.
- 2 Apabila anda menyerongkan hologram ke kiri, ke kanan, ke bawah, dan ke atas, anda seharusnya melihat 1, 2, 3, dan 4 bintik masing-masing di setiap sisi.



Bagaimana kalau bateri anda tidak tulen?

Jika anda tidak boleh mengesahkan bahawa bateri Nokia anda dengan hologram pada label adalah bateri tulen Nokia, jangan gunakan bateri tersebut. Penggunaan bateri

Maklumat bateri dan pengecas

yang tidak diluluskan oleh pembuat mungkin berbahaya dan mungkin menghasilkan prestasi yang lemah dan merosakkan peranti anda dan tambahan-tambahannya. Ia mungkin juga mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti untuk peranti ini.

Untuk mengetahui lebih banyak lagi tentang bateri-bateri asli Nokia, kunjungi www.nokia-asia.com/batterycheck.

Tambahan tullen Nokia



Pelbagai pilihan tambahan boleh didapati untuk telefon anda. Sila lawati www.nokia-asia.com/enhancements untuk mendapatkan butiran lanjut.

Untuk mengetahui sama ada sesuatu tambahan terdapat, sila tanya wakil penjual setempat anda. Beberapa petua praktikal bagi operasi tambahan:

- Jauhkan tambahan-tambahan dari jangkauan kanak-kanak kecil.
- Apabila anda mencabut kord kuasa bagi sebarang tambahan, genggam dan tarik palamnya, bukan kordnya.
- Periksa dengan kerap bahawa semua peralatan telefon mudah alih di dalam kenderaan dipasang dan beroperasi dengan betul.

Gunakan hanya bateri, pengecas dan tambahan yang diluluskan oleh pembuat telefon. Penggunaan mana-mana bateri jenis lain boleh membatalkan sebarang kelulusan atau waranti yang diguna pakai pada telefon ini, dan mungkin berbahaya.

Bateri

Jenis	Masa cakap#	Siap sedia#
BL-6P	sehingga 3 jam	sehingga 300 jam

Perbezaan dalam masa operasi mungkin berlaku bergantung kepada kad SIM, tetapan rangkaian dan penggunaan, gaya penggunaan dan persekitaran.

Alat Dengar

Alat Dengar Wayarles

Alat Dengar Bluetooth Nokia BH-208

Alat Dengar Bluetooth Nokia BH-208 disediakan untuk anda jika hendak semuanya dan menjangkakan yang terbaik daripada alat dengar yang tidak akan mengecewakan anda apabila anda memerlukannya.

Penyelesaian Kereta

Penyelesaian Plug-in

Plug-in Bebas Tangan Wayarles Nokia HF-33W

Plug-in Bebas Tangan Wayarles Nokia HF-33W disediakan untuk anda jika anda menghabiskan banyak masa di atas jalan dan memerlukan peranti yang bergaya, mudah-untuk-dipasang untuk berhubung dengan kenalan peribadi dan kenalan perniagaan.

Muzik

Pembesar Suara Bluetooth Nokia MD-5W

Pembesar Suara Bluetooth Nokia MD-5W sesuai dengan anda jika anda hendak mendengar fail audio pada peranti yang sesuai, dan membuat panggilan Bluetooth menggunakan pembesar suara yang mudah digunakan.

Penjagaan dan penyelenggaraan

Peranti anda adalah produk hasil reka bentuk dan ketukangan unggul dan patut dijaga dengan baik. Cadangan-cadangan yang berikut akan membantu anda melindungi perlindungan jaminan anda.

- Pastikan peranti ini sentiasa kering. Pemendakan, kelembapan, dan semua jenis cecair atau lembapan boleh mengandungi mineral-mineral yang akan mengakis litar elektronik. Jika peranti anda menjadi basah, keluarkan baterinya, dan biarkan peranti ini benar-benar kering sebelum memasangnya semula.
- Jangan gunakan atau simpan peranti ini di tempat yang berhabuk dan kotor. Bahagian yang bergerak dan komponen elektronik di dalamnya boleh menjadi rosak.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang panas. Suhu tinggi boleh memendekkan hayat peranti elektronik, merosakkan bateri, dan meledingkan atau mencairkan plastik tertentu.
- Jangan simpan peranti ini di tempat yang sejuk. Apabila peranti ini kembali pada suhu normalnya, lembapan boleh terbentuk di dalam peranti ini, dan merosakkan papan litar elektroniknya.
- Jangan cuba membuka peranti ini dengan cara yang lain daripada yang diarahkan di dalam panduan ini.
- Jangan jatuhkan, ketuk atau goncang peranti ini. Pengendalian yang kasar boleh memecahkan papan litar dalaman dan mekanisme halus.
- Jangan gunakan kimia, pelarut pembersihan, atau bahan cuci yang keras untuk membersihkan peranti ini.
- Jangan cat peranti ini. Cat boleh menyebabkan bahagian yang boleh digerakkan menjadi tersendat dan menghalang operasi sempurna.
- Gunakan kain kering yang lembut dan bersih untuk membersihkan sebarang kanta seperti kanta kamera, sensor jarak, dan sensor cahaya.
- Gunakan hanya antena ganti yang dibekalkan atau diluluskan. Antena, pengubahsuaian atau pemasangan yang tidak dibenarkan boleh merosakkan peranti ini dan mungkin melanggar peraturan yang berkuatkuasa bagi peranti radio.
- Gunakan pengecas di dalam bangunan.
- Sentiasa buat data sandaran yang anda hendak simpan, seperti kenalan dan nota kalendar.
- Untuk menetapkan semula peranti dari masa ke masa untuk mendapatkan prestasi yang optimum, matikan peranti dan keluarkan bateri.

Semua cadangan ini sama berkaitan dengan peranti anda, bateri, pengecas atau sebarang tambahan. Jika sebarang peranti tidak berfungsi dengan betul, bawanya ke kemudahan servis sah yang terdekat untuk diservis.

Maklumat keselamatan tambahan

Kanak-kanak kecil

Peranti anda dan tambahan-tambahannya mungkin mengandungi bahagian-bahagian kecil. Jauhkan dari capaian kanak-kanak kecil.

Persekitaran beroperasi

Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan dalam kedudukan biasa pada telinga atau apabila diletakkan sekurang-kurangnya 1.5 sentimeter (5/8 inci) jauhnya dari badan. Apabila sarung pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan bagi operasi pakai pada badan, ia tidak seharusnya mengandungi logam dan harus meletakkan peranti sejauh jarak yang disebut di atas dari badan.

Untuk menghantar fail data atau mesej, peranti ini memerlukan sambungan yang bermutu kepada rangkaian. Dalam sesetengah hal, penghantaran fail data atau mesej mungkin tertunda sehingga sambungan demikian terdapat. Pastikan arahan jarak pemisahan di atas dipatuhi sehingga penghantaran selesai.

Alat perubatan

Operasi sebarang peralatan pemancar radio, termasuk telefon wayarles, boleh mengganggu fungsi alat-alat perubatan yang tidak dilindungi secukupnya. Anda harus berjumpa dengan pakar perubatan atau pembuat alat perubatan tersebut untuk menentukan sama ada ia dilindungi secukupnya daripada tenaga RF luaran atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan. Matikan peranti ini di kemudahan jagaan kesihatan apabila diarahkan berbuat demikian oleh peraturan yang ditampalkan di tempat-tempat ini. Hospital atau kemudahan jagaan kesihatan mungkin menggunakan peralatan yang peka terhadap tenaga RF luaran.

Alat perubatan yang diimplan

Pengilang alat perubatan menyarankan bahawa pemisahan minimum sebanyak 15.3 sentimeter (6 inci) hendaklah dikekalkan di antara peranti wayarles dan alat perubatan yang diimplan, seperti perentak jantung atau kardioverter defibrilator yang diimplan, untuk mengelakkan gangguan yang mungkin berlaku dengan alat perubatan. Orang yang memiliki peranti sedemikian hendaklah:

- Sentiasa pastikan peranti wayarles berada lebih daripada 15.3 sentimeter (6 inci) dari alat perubatan apabila peranti wayarles dihidupkan.
- Tidak membawa peranti wayarles ini di dalam saku dada.

- Pegang peranti wayarles pada telinga yang bertentangan dengan alat perubatan untuk mengurangkan gangguan yang mungkin berlaku.
- Matikan peranti wayarles dengan segera jika terdapat sebarang sebab untuk mengesyaki gangguan sedang berlaku.
- Baca dan ikut arahan daripada pengilang alat perubatan yang diimplan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai menggunakan peranti wayarles dengan alat perubatan yang diimplan, rujuk penyedia jagaan kesihatan anda.

Alat bantuan pendengaran

Sesetengah peranti wayarles digital boleh mengganggu sesetengah alat bantuan pendengaran. Jika gangguan berlaku, hubungi pembekal khidmat anda.

Kenderaan

Isyarat RF boleh menjejaskan sistem elektronik yang tidak dipasang dengan betul atau tidak dilindungi secukupnya di dalam kenderaan bermotor seperti sistem pancitan bahan bakar elektronik, sistem brek anti-kelincir (anti-kunci) elektronik, sistem kawalan kelajuan elektronik, dan sistem beg udara. Untuk maklumat lanjut, periksa dengan pembuat kenderaan anda atau wakilnya mengenai kenderaan anda atau sebarang kelengkapan yang telah ditambahkan.

Hanya kakitangan yang berkelayakan harus membaiki peranti ini atau memasang peranti ini di dalam kenderaan. Pemasangan atau servis yang tidak betul membahayakan dan

boleh mentaksahkan sebarang waranti yang mungkin diberikan bagi peranti ini. Jangan simpan atau bawa cecair mudah terbakar, gas, atau bahan mudah meletup di dalam tempat yang sama dengan peranti ini, bahagian-bahagiannya atau tambahan-tambahannya.

Menggunakan peranti anda semasa terbang di dalam pesawat adalah dilarang. Matikan peranti anda sebelum menaiki pesawat. Penggunaan peranti telefon wayarles di dalam pesawat boleh membahayakan pengendalian pesawat, mengganggu rangkaian telefon wayarles, dan mungkin menyalahi undang-undang.

Persekitaran di mana letupan boleh berlaku

Matikan peranti anda apabila berada di kawasan di mana letupan boleh berlaku, dan patuhi semua papan tanda dan arahan. Persekitaran di mana letupan boleh berlaku termasuk tempat-tempat di mana anda biasanya dinasihatkan supaya mematikan enjin kenderaan anda. Percikan api di kawasan-kawasan seperti itu boleh menyebabkan letupan atau kebakaran yang mengakibatkan kecederaan pada badan ataupun kematian. Matikan peranti ini di tempat-tempat mengisi bahan bakar seperti berdekatan dengan pam gas di stesen minyak. Patuhi sekatan-sekatan terhadap penggunaan peralatan radio di depo, tempat-tempat penyimpanan, dan pengedaran bahan bakar, loji kimia atau tempat operasi peletupan sedang berjalan. Kawasan-kawasan di mana letupan boleh berlaku sering, tetapi tidak semestinya, ditandakan dengan jelas. Ia termasuk di bawah dek di dalam bot, kemudahan memindah atau menyimpan bahan kimia, dan tempat-tempat di mana udaranya mengandungi bahan kimia

atau zarah seperti butir, habuk, atau serbuk logam. Anda perlu semak dengan pengilang kenderaan yang menggunakan gas petroleum cecair (seperti propana atau butana) untuk menentukan jika peranti ini boleh digunakan dengan selamat dalam kawasan sekitar mereka.

Panggilan kecemasan



Penting: Peranti ini beroperasi menggunakan isyarat radio, rangkaian wayarles, rangkaian talian darat, dan fungsi-fungsi yang diprogram pengguna. Jika peranti anda menyokong panggilan suara melalui internet (panggilan internet), aktifkan kedua-dua panggilan internet dan telefon selular. Peranti akan cuba membuat panggilan kecemasan melalui rangkaian selular dan melalui pembekal panggilan internet anda jika kedua-duanya diaktifkan. Sambungan dalam semua keadaan tidak dapat dijamin. Anda tidak harus sekali-kali bergantung semata-mata kepada sebarang peranti wayarles untuk komunikasi penting seperti kecemasan perubatan.

Untuk membuat panggilan kecemasan:

- 1 Jika peranti ini belum dihidupkan, hidupkan ia. Periksa untuk memastikan kekuatan isyarat yang mencukupi. Bergantung pada peranti anda, anda mungkin perlu melengkapkan seperti berikut:
 - Masukkan kad SIM jika peranti anda menggunakannya.

- Buangkan batasan panggilan tertentu yang telah anda aktifkan dalam peranti anda.
 - Ubah profil anda daripada luar talian atau mod profil penerbangan ke profil yang aktif.
- 2 Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan menyediakan peranti ini untuk panggilan.
 - 3 Masukkan nombor kecemasan rasmi bagi lokasi semasa anda. Nombor-nombor kecemasan berbeza mengikut lokasi.
 - 4 Tekan kekunci panggil.

Apabila membuat panggilan kecemasan, berikan semua maklumat yang perlu seberapa tepat yang mungkin. Peranti wayarles anda mungkin satu-satunya alat komunikasi di tempat kemalangan itu. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

Maklumat pensijilan (SAR)

Peranti mobil ini memenuhi garis panduan antarabangsa bagi pendedahan kepada gelombang radio.

Peranti bimbit anda adalah sebuah pemancar dan penerima radio. Ia direka untuk tidak melebihi had pendedahan kepada gelombang radio yang disarankan oleh garis panduan antarabangsa. Garis panduan ini dihasilkan oleh pertubuhan saintifik ICNIRP dan merangkumi margin keselamatan yang direka bentuk bagi memastikan keselamatan semua orang, tidak kira usia dan kesihatan.

Piawai pendedahan bagi peranti-peranti bimbit menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Tertentu (Specific Absorption Rate) atau SAR. Had SAR yang dinyatakan di dalam garis panduan ICNIRP adalah 2.0 watts/kilogram (W/kg) dipuratakan pada sepuluh gram tisu. Ujian bagi SAR yang dijalankan menggunakan kedudukan beroperasi biasa dengan peranti memancar pada aras kuasa yang disahkan tertinggi dalam semua jalur frekuensi yang diuji. Paras SAR sebenar bagi peranti yang beroperasi boleh jadi jauh di bawah nilai maksimum kerana peranti direka bentuk untuk menggunakan hanya kuasa yang diperlukan untuk mencapai rangkaian. Jumlahnya berubah bergantung pada beberapa faktor seperti sejauh mana jarak anda dengan stesen pangkalan rangkaian. Nilai SAR tertinggi mengikut garis panduan ICNIRP untuk penggunaan peranti ini di telinga ialah 0.95 W/kg.

Penggunaan aksesori dan tambahan peranti boleh menghasilkan nilai-nilai SAR yang berbeza-beza. Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan

kebangsaan dan pengujian dan jalur rangkaian. Maklumat SAR tambahan boleh diberikan di bawah maklumat produk di www.nokia.com.

Indeks

A

Alat Dengar Bluetooth Nokia BH-208 59

Alat Dengar Wayarles 59

antena 17

aplikasi e-mel 24

arahan khidmat 39

B

Bateri 59

bebas tangan. Lihat pembesar suara.

Bluetooth 34

Buka kunci pad kekunci 12

D

dailan cepat 20

dailan suara 21

F

Fail yang dilindungi 40

G

galeri 40

H

huruf besar atau kecil 22

I

input teks ramalan 22

Input teks tradisional 22

Internet 49

J

jam penggera. 45

Jam randik 47

K

kabel data 36

Kad niaga 30

kalender 45, 46

Kalkulator 46

kamera 42

kekuatan isyarat 18

kekunci kamera 17

kekunci kuasa 16, 17

kekunci pengaktifan 40

kekunci pilihan 17

kekunci tamat 18

Kemas kini perisian 13

kenalan

dailan cepat 20

kumpulan 30

mencari 29

mengedit 30

menyalin 29

menyimpan 29

tetapan 30

kertas hias dinding 32

Kesambungan PC 55

Kod 12

kod akses 12

komunikasi data 55

Kuki 51

kunci pad kekunci 12

L

log 31

logo operator 18, 33

M

memuat turun fail yang dilindungi 40

menamatkan panggilan 20

Menghidupkan dan mematikan 16

menu operator 39

menulis teks 22

mesej

arahan khidmat 39

Mesej audio 24

mesej kilat 24

mesej maklumat 39

mesej suara 26

Mesej audio 24

mesej kilat 24
 mesej maklumat 39
 mesej perkhidmatan 50
 Mesej push 50
 mesej suara 26
 mod penerbangan 19
 mod siap sedia 33
 muat turun 14
 Muzik 60

N

nada 32
 nada dering 32
 nota 46

P

panggil
 kekunci 17
 log 31
 menanti 21
 panggilan
 antarabangsa 20
 daftar panggilan. Lihat log
 panggilan.
 dailan suara 21
 membuat 20
 pilihan 21
 tetapan 37
 PC Suite 55

pemasa undur 46
 pembesar suara 21
 Pembesar Suara Bluetooth
 Nokia MD-5W 60
 pemesejan segera 25
 penanda buku 50
 Pengatur 45
 pengurusan hak digital 40
 penunjuk 18
 penyama 44
 Penyelesaian Kereta 60
 Penyelesaian Plug-in 60
 penyemak imbas
 keselamatan 51
 penanda buku 50
 tetapan penampilan 51
 Perakam 43
 perakam suara 43
 perkhidmatan 49
 Perkhidmatan SIM 54
 perlindungan hak cipta 40
 permainan 48
 peti masuk perkhidmatan 50
 PictBridge 36
 pintasan 33
 Plug-in Bebas Tangan Wayarles Nokia
 HF-33W 60
 profil 32

S

Senarai tugasan 46
 sijil 51

T

Tahap cas 18
 Tambahan tulen Nokia 59
 Tandatangan digital 52
 tatarajah
 perkhidmatan tetapan 17
 umum 38
 teks 22
 tema 32
 tetapan
 Kabel data USB 36
 kesambungan 34
 Menyimpan semula tetapan
 kilang 38
 mesej 26
 nada 32
 panggil 37
 pintasan saya 33
 profil 32
 tema 32
 tetapan bahasa 37
 Tetapan kilang 38
 tetapan mesej
 e-mel 28
 mesej multimedia 27

I n d e k s

mesej teks 26
umum 26

W

web 49

Jagaan Nokia Dalam Talian

DEMONSTRASI INTERAKTIF



Sokongan web Jagaan Nokia memberi anda lebih banyak maklumat mengenai perkhidmatan dalam talian kami.

DEMONSTRASI INTERAKTIF

Pelajari cara untuk menyediakan telefon anda buat kali pertama, dan ketahui dengan lebih lanjut mengenai cirinya. Demonstrasi Interaktif memberi arahan langkah-demi-langkah mengenai penggunaan telefon anda.

PANDUAN PENGGUNA

Panduan Pengguna dalam talian ini mengandungi maklumat terperinci mengenai telefon anda. Ingatlah untuk memeriksa dengan kerap untuk mendapatkan kemas kinian.

PERISIAN

Gunakan sepenuhnya telefon anda dengan perisian untuk telefon dan PC anda. Nokia PC Suite menyambung telefon anda dan PC agar anda boleh menguruskan kalendar, kenalan, muzik, dan imej, sementara aplikasi lain melengkapinya.

TETAPAN

Sesetengah fungsi telefon, seperti mesej multimedia, menyemak imbas mudah alih dan e-mel*, mungkin memerlukan tetapan sebelum anda boleh menggunakannya. Dapatkannya agar dihantar ke telefon anda secara percuma.

*Tidak terdapat pada semua telefon.

PERISIAN



PANDUAN PENGGUNA



TETAPAN

BAGAIMANA SAYA MENGGUNAKAN TELEFON SAYA?

Bahagian Persediaan, di www.nokia.com.my/setup, membantu anda menyediakan telefon anda untuk digunakan. Biasakan diri anda dengan fungsi dan ciri telefon dengan merujuk kepada bahagian Panduan dan Demo di www.nokia.com.my/guides.

BAGAIMANA SAYA SEGERAKKAN TELEFON DAN PC SAYA?

Menyambung telefon anda ke PC yang serasi dengan versi Nokia PC Suite yang perlu dari www.nokia.com.my/pcsuite membolehkan anda menyegerakkan kalendar dan kenalan anda.

DI MANAKAH BOLEH SAYA MENDAPATKAN PERISIAN UNTUK TELEFON SAYA?

Dapatkan lebih daripada telefon anda dengan muat turun dari seksyen Perisian di www.nokia.com.my/software.

DI MANAKAH BOLEH SAYA MENDAPATKAN JAWAPAN BAGI SOALAN BIASA?

Cari di bahagian Soalan Lazim di www.nokia.com.my/faq untuk mendapatkan jawapan bagi soalan anda mengenai telefon anda dan produk dan perkhidmatan Nokia yang lain.

BAGAIMANAKAH BOLEH SAYA MENGIKUTI PERKEMBANGAN BERITA NOKIA?

Langgani dalam talian di www.nokia.com.my/signup dan jadilah orang pertama yang mengetahui mengenai produk dan promosi terbaru. Daftar dengan "Nokia Connections" untuk menerima berita terkini bulanan mengenai telefon dan teknologi yang terbaru. Daftar dengan "Be the First To Know" (Jadilah Orang Pertama yang Mengetahui) untuk mendapatkan preview eksklusif tentang pengumuman telefon baru atau langgani "Promotional Communications" (Komunikasi Promosi) untuk peristiwa yang akan datang.

Sekiranya anda masih memerlukan bantuan lanjut, sila rujuk kepada www.nokia.com.my/contactus.

Untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai perkhidmatan pembaikan, sila lawati www.nokia.com.my/repair.

Sila lawati www.nokia.com.my/support untuk mendapatkan butiran.

NOKIA

Care